

**Bil. 12**

**Isnin  
15 April 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN** [Ruangan 1]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar  
(Pembubaran) 1995 [Ruangan 17]

Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar  
(Syarikat Pengganti) 1995 [Ruangan 40]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

- Yang Berhormat Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH. D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).



- Yang Berhormat TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 15hb April, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang*

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANKAD KREDIT—JUMLAH  
HUTANG

1. **Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) dengan adanya langkah kerajaan menaikkan bayaran minimum bagi kad-kad kredit dilaksanakan, adakah jumlah yang terhutang oleh pemegang-pemegang kad-kad kredit berkurangan bagi bulan Januari dan Februari 1996 berbanding dengan jangka masa yang sama dalam tahun 1995; dan
- (b) berapa banyakkah kad kredit yang dikeluarkan bagi jangka masa-jangka masa tersebut di atas.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Langkah menaikkan bayaran minimum bagi kad kredit dari 10% kepada 15% hanya mula dilaksanakan pada 1hb Januari, 1996. Kesan dari langkah tersebut tidak dapat diukur dengan

secara spesifik pada masa ini memandangkan proses mengumpul data berkait jumlah yang terhutang oleh pemegang-pemegang kad kredit belum diperolehi sepenuhnya daripada pengeluar-pengeluar kad kredit. Tetapi pada jangkaan am bolehlah dianggap ini sebagai satu langkah pencegahan untuk tidak menggalakkan pengguna kad kredit menggunakan ini sebagai satu kemudahan kewangan. Yang sebenarnya, kad kredit ini adalah sepatutnya digunakan oleh orang yang mampu dan sebagai satu alat yang boleh memudahkan untuk bayaran dalam kegunaan biasa.

- (b) Jumlah kad kredit pada 31hb Disember, 1995 ialah hampir 1.8 juta yang dikeluarkan oleh 13 bank perdagangan, 3 syarikat kewangan dan 1 syarikat tanpa kredit. Manakala untuk tahun 1996, data belum diperolehi sebab Bank Negara Malaysia mengumpul data ini setiap suku tahun.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa jangka masa 20 hari diberi kepada pembayar kad kredit sebelum dikenakan bayaran minimum 15% tidak dikenakan apa-apa faedah. Tetapi sekiranya jangka masa 20 hari itu jatuh kepada pertengahan bulan sedangkan rata-rata pegawai-pegawai kerajaan menerima gaji pada penghujung bulan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri meminta supaya Bank Negara menganjukkan tarikh berkenaan kepada hujung bulan supaya pegawai-pegawai kerajaan yang mendapat gaji pada hujung bulan ini tidak dikenakan apa-apa interest?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang telah menerima banyak

pertanyaan dan teguran mengenai perkara ini. Sebenarnya pihak kerajaan dan Bank Negara sedang mengambil tindakan untuk mengkaji sama ada cadangan seperti yang disebutkan itu dapat dijalankan atau tidak.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah pembayaran minimum kad kredit tentunya pemilik-pemilik kad ada yang gagal untuk membayar dan menjelaskan mengikut percent yang telah ditentukan. Saya ingin tahu adakah tindakan undang-undang dikenakan kepada mereka yang berkenaan bagi tempoh yang tertentu dan daripada institusi kewangan manakah yang banyak tindakan diambil kepada pemegang-pemegang kad kredit ini?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perjanjian antara syarikat-syarikat pengeluar kad dengan pengguna atau pemegang kad itu, ini berdasarkan kepada terma-terma dan 'terms and conditions' yang diperlukan. Sekiranya gagal membayar apa-apa yang patut dibayar itu, tentulah tindakan diambil oleh pihak yang berkenaan.

#### **DIPLOMA PERGURUAN— PENGIKTIRAFAN KEPADA PEMEGANG SIJIL**

**2. Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan diperkenalkan Diploma Perguruan bagi menggantikan Sijil Perguruan bermula pada bulan Julai 1996, sama ada kementerian bersedia untuk memberi pengiktirafan Diploma Perguruan kepada guru-guru yang telah mengajar sepuluh tahun ke atas.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji implikasi pelaksanaan Diploma Perguruan Malaysia dan merancang strategi yang sesuai supaya guru-guru

berkelayakan Sijil Perguruan juga akan menerima manfaat daripadanya.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah guru kelulusan STPM dan guru kelulusan SPM yang telah menyertai kursus dua tahun di maktab perguruan yang tidak dapat diiktirafkan kepada sijil Diploma tetapi mereka ini telah berkhidmat lebih 10 tahun ke atas. Apakah tindakan oleh pihak kementerian kepada mereka? Adakah mereka diberi kursus khas atau tidak?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah di seluruh negara adalah lebih kurang 180,000 orang. Saya tidak ada butir-butir berkaitan dengan bilangan yang mempunyai kelayakan SPM, STPM dan sebagainya, dan untuk itu saya perlu notis.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan terima kasihlah kepada kementerian di atas prihatin untuk meninggikan taraf kelayakan kelulusan guru-guru ini. Tetapi dalam memberi kursus Diploma Perguruan, saya yakin banyak juga guru-guru yang tidak diambil dan ketinggalan. Pertama, apakah kedudukan guru-guru yang tertinggal ini?

Kedua, banyak juga mereka ini di bawah kelayakan seperti yang dikatakan, apakah kerajaan akan melonggarkan syarat kelayakan ataupun akan memberi kursus khas untuk pra-kelayakan sebelum mereka diambil?.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan tadi bahawa Kementerian Pendidikan memang peka dan prihatin tentang perlunya kita memberi satu skim yang sesuai untuk membolehkan guru-guru yang berkelayakan sijil perguruan untuk mendapat manfaat daripada skim-skim yang baru-baru ini telah kita laksanakan

untuk calon-calon yang baru yang akan memasuki maktab perguruan mulai bulan Julai, tahun ini.

Memang segala cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mengambil kira. Dalam cadangan kita, kita sekarang sedang merancang bagaimana kita akan memberi pengiktirafan kepada kursus-kursus di dalam perkhidmatan yang telah diambil oleh guru-guru seperti ini supaya kita boleh ambil kira kursus itu dan berasaskan kepada itu kita akan tempatkan mereka ke skim yang baru ini. Untuk guru-guru yang tidak menyertai kursus dalam perkhidmatan yang cukup, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji sama ada kita boleh mengadakan kursus-kursus topping up untuk kumpulan guru yang baru ini.

### INDUSTRI INSURANS—KADAR PREMIUM

**3. Dato' Hon Choon Kim (Seremban)** minta Menteri Kewangan menyatakan prestasi dan perkembangan industri insurans dari segi jumlah premium dan bilangan polisi insurans yang tercapai pada tahun 1995. Sila nyatakan sama ada kerajaan akan menurunkan kadar premium bagi insurans nyawa dan insurans am memandangkan komisyen untuk ejen telah dikurang baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, industri insurans telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam tahun 1994 dan 1995 selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh. Jumlah premium kedua-dua insurans nyawa dan insurans am meningkat sebanyak 22% dalam tahun 1994 dan 20.2% dalam tahun 1995.

Bagi industri insurans nyawa, jumlah premium telah meningkat sebanyak 19.5% dalam tahun 1995 berbanding dengan 28% dalam tahun 1994. Bagi industri

insurans am, premium diurusniaga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 14.5% dalam tahun 1995 berbanding dengan 21.8% dalam tahun 1994. Bilangan polisi baru bagi insurans nyawa telah meningkat 6.8% kepada 1,009,028 dalam tahun 1995.

Daripada kajian yang dijalankan, kerajaan berpuas hati dengan langkah-langkah tertentu yang telah diambil oleh syarikat-syarikat insurans nyawa untuk mencapai objektif bagi memindahkan sebarang faedah hasil daripada penjimatan kos dalam bentuk pengurangan kadar premium atau peningkatan faedah polisi. Syarikat-syarikat insurans nyawa telah menyemak semula produk-produk insurans mereka bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi insurans am pula, kadar komisen agen yang telah disemak semula pada tahun 1991 dan dikekalkan sehingga hari ini telah memperbaiki prestasi kewangan syarikat insurans am dan keupayaan memenuhi tuntutan.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya difahamkan bahawa satu kajian secara menyeluruh telah dijalankan oleh pihak Bank Negara berhubung dengan industri insurans di negara kita. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberikan sedikit penjelasan atau maklumat-maklumat terbaharu berhubung daripada kajian yang telah dijalankan oleh Bank Negara tersebut?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian terhadap 67 produk insurans nyawa adalah didapati 30 produk insurans yang popular yang mewakili hampir 60% daripada bahagian pasaran telah disemak semula. Daripada jumlah ini kadar premium daripada 15 produk insurans popular, 6 syarikat insurans telah diturunkan antara 0.4% hingga 15%, manakala faedah perlindungan bagi 15 produk popular yang

lain telah dipertingkatkan. 26 produk lain pula tidak akan disemak semula memandangkan kadar komisen yang digunakan dalam menentukan kadar komisen adalah dalam lingkungan yang ditetapkan oleh garis panduan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 7 buah syarikat yang telah beroperasi dalam lingkungan had-had yang telah ditetapkan oleh garis panduan ini, oleh itu bagi syarikat-syarikat ini tidak ada terdapat sebarang perubahan dalam kadar premium atau jumlah perlindungan. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada syarikat ini akan turut serta untuk menyemak semula produk masing-masing bagi mengekalkan daya saing mereka dalam pasaran.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kemajuan berkenaan dengan skim insurans untuk orang-orang yang menyewa fixed deposit boxes di bank-bank, kerana memandangkan kejadian kecurian yang baru berlaku dan memandangkan masalah yang dihadapi oleh skim ini kerana biasanya kegunaan fixed deposit ini adalah dengan cara yang rahsia?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan masih menunggu satu keputusan yang muktamad mengenai perkara ini dan sebaik sahaja diterima keputusan yang tepat akan dibuat pengumuman.

#### **ANAK ANGKAT WARGANEGARA ASING—STATUS**

**4. Tuan Ibrahim Pateh Mohamed (Tanah Merah)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkan rakyat Malaysia mengambil anak angkat dari negara lain. Apakah status kewarganegaraan anak-anak angkat ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia boleh mengambil anak angkat dari negara asing hanya jika memenuhi syarat-syarat yang diperuntukan oleh undang-undang seperti:

- (i) ibu bapa angkat telah mencapai umur 25 tahun dan perbezaan umur dengan anak angkat ialah 18 tahun;
- (ii) jika ibu bapa angkat terdiri daripada saudara mara kanak-kanak - syarat umur mereka ialah mencapai umur 21 tahun;
- (iii) jika anak luar nikah dipohon oleh ibu atau bapa kanak-kanak;
- (iv) kanak-kanak mesti sekurang-kurangnya bertaraf permastautin di negara ini (PR) dengan izin, di negara ini.

Taraf kewarganegaraan anak angkat adalah masih mengikut kewarganegaraan negara asalnya.

#### **PROGRAM RAKAN MUDA— FASA PELAKSANAAN**

**5. Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah terdapat fasa-fasa baru ataupun langkah selanjutnya dalam merangka dan melaksanakan Program Rakan Muda seterusnya.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satu program utama pembangunan generasi muda yang bersifat berterusan dan jangka panjang, adalah wajar Program Rakan Muda ini dilancar dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat demi

melahirkan impak dan keberkesanan yang selaras dengan keperluan sosio-ekonomi negara.

Program Rakan Muda bukan berbentuk one-off, ianya mempunyai 3 fasa pelaksanaan, iaitu Fasa 1 - Fasa Pengenalan, Fasa 2 - Fasa Pembangunan dan Fasa 3 - Fasa Pemantapan.

Fasa 1 atau Fasa Pengenalan telah pun dilalui bermula pada 29hb Oktober, 1994. Di bawah Fasa ini penumpuan pelaksanaan adalah kepada memperkenalkan program yang bertujuan menarik sokongan generasi muda khususnya, dan masyarakat amnya.

Di antara aktiviti penting yang dilaksanakan ialah pelancaran-palancaran program dan gaya hidup, majlis penerangan dan taklimat serta aktiviti-aktiviti promosi. Pada masa yang sama penekanan telah diberi kepada aspek menjalin hubungan dan kerjasama pembentukan mekanisme pelaksanaan serta membina kemahiran dan kepakaran pelaksanaan kepada setiap yang terlibat di peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini Kementerian Belia dan Sukan telah meninjau semula pelaksanaan Program Rakan Muda. Berdasarkan hasil kajian tersebut, kementerian telah mendapati bahawa tindakan perlu diambil untuk menumpukan perhatian, antara lain ke arah:

- (i) menghidupkan semula pertubuhan dan institusi belia untuk memperbanyakkan keahlian dan penyertaan generasi muda pelbagai peringkat;
- (ii) menyemarakkan program dan kegiatan pertubuhan-prertubuhan tersebut supaya membantu

kementerian memantapkan Program Rakan Muda;

- (iii) meningkat sumbangan dan sokongan sektor swasta dalam melaksanakan program dan aktiviti;
- (iv) meningkatkan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang memang telah mempunyai kepakaran dan kemudahan untuk memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan Program Rakan Muda.

Tuan Yang di-Pertua, setelah penilaian semula tersebut, kementerian telah memulakan fasa kedua ataupun fasa pembangunan pada 1hb Februari tahun ini. Di bawah fasa ini, penekanan akan diberi kepada usaha penghapusan masalah-masalah sosial dan pembasmian nilai-nilai negatif di kalangan belia. Di samping itu dua agenda utama fasa itu ialah:

- (i) menggerakkan NGO, swasta dan masyarakat agar memainkan peranan utama sebagai penggerak dalam pelaksanaan program;
- (ii) menyediakan infrastruktur dan fasiliti lengkap bagi menjayakan matlamat program.

Di bawah fasa ini Kementerian Belia dan Sukan telah merancang mendirikan Pusat Aktiviti Belia di 52 daerah yang telah dikenal pasti. Pusat-pusat ini akan berfungsi sebagai tempat para belia menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi di samping aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan belia.

Fasa ketiga pula ataupun fasa pemantapan program akan dimulakan pada tahun 2000 iaitu fasa yang akan memberi penumpuan kepada semua aspek pemantapan program seperti mengadakan fasiliti dan infrastruktur di semua daerah yang masih tidak berpeluang di bawah fasa satu dan dua. Penekanan kepada

tindakan strategik bagi menghadapi era negara maju dan posisi Program Rakan Muda sebagai satu institusi penting pembangunan belia.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Program Rakan Muda dengan konsep yang telah dibuatkan adalah sangat baik dan mengikut penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Program Rakan Muda tidak akan menjadi satu pergerakan sendiri tetapi menggunakan cara hidup yang telah direka untuk diserap masuk ke dalam pergerakan-pegerakan ataupun NGO-NGO yang telah ada di negara kita. Soalan saya, dalam peringkat yang ketiga ini, bagaimanakah penerimaan pihak-pihak NGO atas dasar dan pelaksanaan Program Rakan Muda ini? Terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha telah dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan supaya mengambil langkah-langkah menghidupkan semula pertubuhan-pertubuhan ataupun pergerakan-pergerakan belia supaya mereka mengambil bahagian ataupun menjadi penggerak Program Rakan Muda ini.

Sampai tahap ini, Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa walaupun bukan semua pertubuhan belia telah dihidupkan semula, tetapi kebanyakan pertubuhan-pertubuhan belia semua kaum telah menyedari Program Rakan Muda ini dan telah melibatkan diri dalam Program ini, walaupun bukan semua program tetapi sebahagian besar program ini. Nampaknya penerimaan atas dasar dan perasaan Program Rakan Muda ini adalah baik walaupun bukan sempurna lagi.

**Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping kejayaan dan perkara-perkara

positif yang dicapai adakah terdapat perkara-perkara negatif daripada pengalaman program yang pernah diadakan dan apakah langkah pembetulan yang diambil?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, langsung tidak ada faktor-faktor negatif selain daripada parti-parti politik yang mempolitikkan program ini. Itulah jadi masalah, selain daripada itu tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paulis Nointien.

*(Soalan No. 6, Yang Berhormat Tuan Paulis Nointien tidak hadir)*

**INDAH WATER KONSORTIUM —  
KEDUDUKAN  
SIASATAN TERKINI**

**7. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong)** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kedudukan terkini mengenai penyiasatan mereka terhadap Indah Water Konsortium yang dikatakan menimbulkan pelbagai masalah pelaksanaan kepada rakyat jelata.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan pada penghujung tahun 1995 bertujuan untuk membantu serta menentukan Indah Water Konsortium (IWK) menangani segala masalah pelaksanaan projek yang dihadapi di samping meneliti segala aduan yang diterima dan cara IWK mengatasinya.

Sejak penubuhannya, jawatankuasa khas ini telah bersidang sebanyak 5 kali bersama dengan pihak pengurusan IWK dan juga telah mengadakan mesyuarat



dan perbincangan dengan pihak-pihak persatuan seperti Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pengilang Malaysia (FFM) dan lain-lain.

Di samping itu, jawatankuasa khas ini juga meneliti cadangan dan aduan dari orang ramai mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh IWK. Hasil daripada itu, pihak kerajaan akan menimbang segala penyelesaian yang terbaik ke atas isu-isu yang ditimbulkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan bersetuju bahawa tender IWK ini tidak diperolehi melalui tender terbuka tetapi merupakan satu tindakan, dengan izin, cronyism, yang menyebabkan mengapa kadar bayaran itu tidak adil dan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat dan adakah masalah sedemikian membolehkan IWK menaikkan kadar kerana konsesi ini adalah selama 28 tahun? Adakah ini bermakna menjelang 20 tahun lagi kadar bayaran akan dinaikan dan apakah kadar kenaikan 20 atau 30 tahun kelak? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek yang dilaksanakan oleh IWK ini merupakan projek penswastan, bermakna IWK membuat satu proposal kepada kerajaan dan setelah menimbang kerajaan berpuashati dengan proposal ini, maka proposal ini telah dilaksanakan. Bagaimanapun, ada sedikit-sedikit masalah ataupun teknikal yang perlu diatasi dan itulah sebabnya jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memastikan bahawa projek ini tidak akan membebankan rakyat dari segi pelaksanaannya.

Bagaimanapun, sebagaimana yang kita sedia maklum, apabila kita menswastakan sesuatu projek, ia menimbulkan masalah oleh kerana ada elemen bayaran. Kalau dahulunya tidak ada bayaran dikenakan,

tetapi sekarang ini ada bayaran dikenakan. Inilah masalah yang paling besar yang dihadapi oleh projek ini.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa cara pembuangan enap cemar yang disedut dari tangki najis yang dibuang ke dalam oxidation pond di taman-taman perumahan adalah satu amalan yang tidak betul kerana enap cemar dari tangki najis itu akan menjejaskan aktiviti biologikal, iaitu aktiviti anaerobik dan airobik dalam oxidation pond itu.

Untuk makluman Yang Berhormat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila kemukakan soalan ya?

**Tuan Chang See Ten:** Soalan saya ialah, adakah pihak kementerian sedar bahawa itu adalah amalan yang tidak betul? Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya enap cemar dari tangki najis sepatutnya ditanam di dalam trenching ground yang dikawal dengan betul atau dikeringkan di loji pembersihan sewage seperti di Pantai Valley.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar dan kita mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat juga faham berkenaan dengan masalah ini.

Di antara dua cara iaitu membuangkannya ke dalam sungai ataupun ke dalam semak samun, adalah lebih baik sekiranya enap cemar ini disalurkan dengan cara yang betul ke dalam oxidation pond.

Pihak IWK sememangnya sedang berusaha untuk mengadakan lebih banyak tempat-tempat pembuangan dan juga mechanical system supaya tidak perlu untuk dibuang enap cemar ini ke dalam

oxidation pond. Bagaimanapun, ini memakan masa sedikit. Itulah sebabnya, walaupun kementerian sedar, tetapi kementerian membenarkan asalkan cara pembuangan ini mengikut cara yang baik. Tetapi, dalam jangka masa yang panjang, kementerian tidak akan membenarkan enap cemar ini dibuang ke dalam oxidation pond.

### KERETA PROTON — ADUAN PENGGUNA

**8. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sama ada menerima aduan bahawa pembeli-pembeli kereta baru nasional (Proton) terpaksa menunggu dengan lama untuk mendapat kereta kecuali jika kereta lama dijual semula (trade in) kepada EON; dan
- (b) tidak boleh membeli kereta baru secara wang tunai dan pinjaman wang (finance) perlu diperolehi dari CCM dan tidak bebas diperolehi syarikat-syarikat kewangan lain. Apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan pengaduan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada menerima aduan pengguna mengenai kelewatan mendapat bekalan kereta Proton sekiranya pembelian tidak dibuat secara menjual semula iaitu trade-in, dengan izin. Siasatan telah dijalankan dan didapati kelewatan mendapat bekalan kereta adalah kerana permintaan melebihi pengeluaran.

Di samping itu, beberapa faktor lain seperti jenis model dan warna kereta dan tempat juga menyebabkan kelewatan mendapat bekalan kereta.

- (b) Dakwaan yang menyatakan bahawa pembeli-pembeli kereta tidak dibenarkan membeli secara tunai adalah tidak tepat. Siasatan yang dijalankan oleh kementerian ini menunjukkan pembeli-pembeli kereta Proton boleh membeli kenderaan tersebut secara tunai.

Pembeli-pembeli juga tidak dipaksa untuk mengambil pinjaman pembelian kenderaan dari Syarikat CCM sahaja. Sebenarnya, EON berhak mempunyai 32 panel syarikat kewangan dan bakal-bakal pembeli bebas untuk mengambil pinjaman dari mana-mana syarikat kewangan tersebut tanpa tekanan atau paksaan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, memandangkan pada masa sekarang, permintaan adalah melebihi pembekalan, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk membekukan atau berhenti menerima tempahan dari pembeli baru supaya kenderaan yang telah ditempah itu diselesaikan dahulu dan kemudian diterima tempahan yang baru dari pembeli-pembeli baru. Jadi, orang ramai tidak perlu menunggu sehingga 4 hingga 6 bulan untuk mendapat sesebuah kereta.

Soalan kedua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup. Satu sahaja.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas. Oleh itu, kementerian tidak bercadang untuk memberhentikan tempahan untuk membeli kereta Proton pada masa sekarang.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam tempoh 5 atau 6 bulan yang lalu, kita mendengar bahawa permasalahan kenderaan yang ditempah ini menghadapi masalah. Kebanyakan kereta-kereta yang didaftarkan oleh JPJ baru 2, 3 hari didaftarkan, tetapi telah pun berada di syarikat-syarikat used car yang ada di seluruh Lembah Kelang.

Sejauh manakah dakwaan ini benar dan adakah kementerian bercadang untuk berunding dengan pihak Kementerian Pengangkutan, kalau boleh, untuk mengatasi masalah-masalah penjualan kereta secara 'trade-ini', yang sebagaimana mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, iaitu dalam tempoh 14 hari, apabila kenderaan itu telah dimiliki oleh pemilik baru haruslah dibuat pertukaran milik.

Tetapi apa yang berlaku pada hari ini dan masa-masa yang lalu, setelah dua tiga bulan pun kenderaan itu diletakkan di tempat used car, masih belum ditukar milik dan ini adalah merupakan satu kesalahan. Apakah tindakan kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian saya belum mendapat aduan mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jikalau Yang Berhormat ada butir-butir yang terperinci, saya merasa gembira untuk menunjukkan butir-butir ini kepada kementerian saya dan saya jamin bahawa kementerian saya akan membuat kajian atau siasatan.

**PELAJAR MALAYSIA DI LUAR  
NEGERI—BILANGAN TAMAT  
PENGAJIAN DAN BEKERJA DI  
LUAR NEGERI**

**9. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan pelajar Malaysia yang telah melanjutkan pelajaran keluar negeri yang telah menamatkan pengajian dan bekerja di luar negara sama ada pelajar tajaan kerajaan dan pelajar persendirian; dan
- (b) jenis pengajian yang diikuti dan punca mereka tidak pulang untuk bekerja di Malaysia dan langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan mereka pulang dan bekerja di Malaysia.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini, terdapat 1,995 orang pelajar yang dijangka tamat pengajian masing-masing, tetapi masih tidak melaporkan diri kepada pihak JPA. Adalah dipercayai sebahagian kecil dari kumpulan yang tidak melaporkan diri ini dan kumpulan yang ditamatkan pengajian mereka tidak mahu kembali ke Malaysia dan bekerja di luar negeri.
- (b) Pelajar-pelajar yang ditamatkan pengajian mereka dan kumpulan yang tidak melaporkan diri yang dipercayai bekerja di luar negeri adalah merangkumi semua bidang pengajian termasuk Sains dan Teknologi serta Sains Sosial.

Antara punca pelajar tidak kembali dan mungkin telah bekerja di luar negeri adalah kerana mereka ingin meneruskan pengajian masing-masing dengan perbelanjaan sendiri atau pun mencari pengalaman bekerja di luar negara. Bagaimanapun, berdasarkan kepada surat perjanjian penajaan, semua pelajar tajaan JPA dimestikan kembali ke Malaysia sama ada telah tamat dengan jayanya atau ditamatkan pengajian.

**KERJASAMA SEGITIGA  
INDONESIA-MALAYSIA-  
THAILAND—KEDUDUKAN**

**10. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru)** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kedudukan Projek Pembangunan Segitiga Hala Indonesia-Malaysia-Thailand; dan
- (b) jumlah memorandum persefahaman yang telah ditandatangani, jumlah nilai pelaburannya dan projek yang melibatkan syarikat Malaysia.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerjasama Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand atau IMT-GT akan menjangkau 3 tahun pada bulan Julai 1996 ini. Semenjak ditubuhkan dengan kerjasama di antara negara-negara anggota telah bertambah kukuh, bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai dan agensi kerajaan, malah di kalangan sektor swasta.

Kekerapan mesyuarat yang diadakan di peringkat Majlis Perdagangan Bersama, kumpulan kerja pelbagai sektor, mesyuarat peringkat pegawai dan peringkat Menteri telah meningkatkan dan memperkukuhkan keyakinan mengenai pentingnya peranan dan sumbangan IMT-GT kepada perkembangan ekonomi wilayah-wilayah yang terlibat.

Sejumlah besar projek kerjasama di kalangan sektor swasta yang meliputi berbagai bidang perniagaan dan perkhidmatan telah pun dilaksanakan. Bagi tujuan memperluaskan lagi bidang kerjasama, satu kajian bagaimana

mempermudahkan penglibatan sektor swasta dalam IMT-GT telah juga disediakan dengan kerjasama Bank Pembangunan Asia dan cadangan-cadangan ini sedang diteliti untuk dilaksanakan.

Semua perkembangan yang dinyatakan di atas memperlihatkan bahawa sesungguhnya kerjasama IMT-GT mampu memberi kebaikan kepada semua pihak yang terlibat.

- (b) Sehingga Disember 1995, sejumlah 47 Memorandum Persefahaman (MoU) dengan nilai pelaburan dianggarkan berjumlah lebih RM14,000 juta telah ditandatangani oleh pihak swasta ketiga-tiga negara. Kesemua 47 MOU tersebut melibatkan sektor swasta Malaysia sebagai rakan kongsi. Kesemua MOU tersebut kini berada di berbagai peringkat pelaksanaan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada memorandum persefahaman yang ditandatangani di kalangan syarikat-syarikat dan negara-negara yang terlibat, saya mohon penjelasan dari segi komitmen kerajaan-kerajaan negara Thai, Indonesia dan juga Malaysia sendiri dari segi mewujudkan satu legal dan juga institutional framework untuk kita benar-benar menjayakan perkara ini. Apakah bentuk legal dan institutional framework yang telah dapat dicapai setakat ini?

**Tuan Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Kerajaan Pusat ketiga-tiga negara sudah wujud satu komitmen yang kuat bagi menyenangkan segala urusan perniagaan dan usaha sama di antara sektor swasta ketiga-tiga negara. Bagi menyenangkan urusan kerjasama di pihak tiga negara ini mesyuarat peringkat menteri diadakan beberapa bulan

sekali dan ini telah boleh menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat.

Bagaimanapun, oleh kerana penglibatan ketiga negara ini masih dalam peringkat permulaan, maka banyak lagi ranjau-ranjau yang perlu dilalui dan dihapuskan dengan bertambahnya pengalaman bagi sektor swasta ketiga negara mereka akan dapat menjalinkan network yang berkesan bagi menyelesaikan masalah masing-masing.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mempunyai sekurang-kurangnya tiga pembangunan segi tiga ini, di utara, di Johor dan di Malaysia Timur. Di antara ketiga-tiga pembangunan atau kerjasama segi tiga ini, yang mana satukah yang lebih menonjol dari segi pencapaiannya dan di antara ketiga-tiga ini yang manakah yang lebih menguntungkan dari segi pembangunan kepada negara ini?

**Tuan Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka yang cukup untuk menjawab yang manakah yang lebih menonjol. Jadi, saya akan memberi jawapan itu secara bertulis. Tetapi, dari segi keuntungannya kepada negara, memandangkan bahawa bagi semua projek yang dijalankan hampir kesemuanya melibatkan sektor swasta Malaysia, maka bagi jangka panjang keuntungannya akan membawa nikmat kepada negara. Walau pun begitu, didapati bahawa dari segi fizikalnya, projek-projek yang dilaksanakan lebih di tumpukan di negara-negara jiran. Ini bermakna ia adalah satu ekoran kepada dasar kita untuk memakmurkan jiran, dan dengan kemakmuran jiran kita boleh mengurangkan banyak masalah sosial yang banyak timbul di negara kita, hasil dari pendedahan-pendedahan atau pekerja-pekerja yang haram atau tidak haram. Dengan kemakmuran yang wujud di negara

masing-masing, maka masalah yang dihadapi sekarang mungkin dapat diperkurangkan.

### SURAT BERDAFTAR/SULIT DIBUANG — SIASATAN

**11. Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah kedudukan kes penyelewengan dan pembuangan surat-surat berdaftar dan sulit yang berlaku pada bulan Januari 1996 lalu; dan
- (b) adakah cadangan untuk membina pejabat pos baru di Pekan Kuala Kelawang, Jelebu, Negeri Sembilan memandangkan bangunannya telah terlalu uzur.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, penyiasatan terperinci telah pun dijalankan oleh Pos Malaysia Berhad mengenai kes pelupusan surat mati sepertimana yang telah tersiar dalam akhbar tempatan baru-baru ini. Penyiasatan tersebut turut mengesahkan laporan pihak polis mengenai perkara yang sama bahawa tidak ada penyelewengan ataupun kesalahan jenayah berlaku. Pos Malaysia Berhad juga berpuas hati bahawa tidak ada kelemahan dalam sistem peraturan pelupusan surat-surat mati sepertimana yang diamalkan selama ini.

Kejadian tersebut berlaku disebabkan oleh kecuaiannya seorang kakitangan Pos yang menjalankan tugas tersebut dan tindakan disiplin telah pun diambil terhadap beliau. Untuk makluman Yang Berhormat

juga, sejumlah 40 karung berisi surat-surat mati telah dihantar ke kilang pelupusan. Apabila diperiksa, didapati enam pucuk surat biasa, bukan surat berdaftar yang belum ditapis untuk pengesahan sebagai surat mati telah tersalah sisih dan bercampur dengan surat-surat mati. Istilah "surat mati" merujuk kepada surat-surat yang tidak dapat diserahkan kepada penerima atau dikembalikan kepada pengirim yang tidak dapat dikesan.

- (b) Pos Malaysia Berhad ada bercadang untuk membina sebuah pejabat pos yang baru di Pekan Kuala Kelawang, Jelebu. Pada masa ini projek ini masih dalam peringkat perancangan dan dijangka boleh dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

#### KES PECAH RUMAH/ROMPAK/ ROGOL—JUMLAH

12. **Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa kes pecah rumah, merompak dan merogol telah dilaporkan pada tahun 1994, 1995 dan 1996; dan
- (b) berapa kes yang telah ditangkap dan dibawa ke mahkamah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejumlah 47 kes pecah rumah yang menyebabkan mangsa dirompak dan seterusnya dirogol telah dilaporkan antara tahun 1994 hingga Februari 1996 iaitu 12 kes pada tahun 1994, 28 kes pada tahun 1995 dan 7 kes bagi dua bulan yang pertama dalam tahun ini.

- (b) 9 daripada 47 kes yang dilaporkan telah dituduh di mahkamah dan bakinya 38 kes lagi masih dalam siasatan polis.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan satu unit khas telah ditubuhkan untuk menangkap mereka yang melakukan kesalahan tersebut. Adakah unit khas itu masih beroperasi dan apakah sebab jika tidak dapat menangkap mereka dengan masa yang lebih singkat?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada unit-unit khas di peringkat Kontinjen Polis Negeri ditubuhkan kerana kes-kes yang telah dilaporkan itu adalah terdapat di beberapa negeri. Ia bukan bertumpu di sesuatu tempat tetapi patennya ialah di kebanyakan bandar-bandar seperti Selangor, Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang.

Banyak kes yang tidak dapat ditangkap kerana memang sukar untuk mengesan perompak itu dari segi apa-apa keterangan dan bukti yang tertinggal ataupun diterangkan oleh simangsa dan juga kadangkala simangsa itu pun sukar untuk mengecam ataupun memberi apa-apa maklumat yang lebih kukuh kerana dalam keadaan yang begitu, susah untuk mereka boleh mendapatkan sesuatu gambaran yang jelas terutamanya dalam keadaan ketakutan, panik dan sebagainya.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi kes-kes pecah rumah ini, adakah pihak polis dapat mengesan satu sindiket, yang mana paten pecah rumah ini selalunya berlaku di kawasan-kawasan bandar dan kes-kes ini adakah terdapat kes-kes atau style yang sama dilakukan bagi kes-kes pecah rumah ini? Jadi, kalau terdapat kes sindiket itu bagaimanakah pihak polis mengatasi sindiket-sindiket tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini polis masih tidak dapat mengesahkan bahawa terdapat mana-mana satu sindiket yang telah bertanggungjawab ke atas kebanyakan kes ini. Tetapi daripada maklumat yang diperolehi, nampaknya ada banyak kumpulan yang berasingan dan susah untuk kita buat apa-apa kesimpulan mengatakan adanya satu sindiket yang besar.

### **JUALAN LANGSUNG— BILANGAN SYARIKAT DAN KES PENIPUAN**

**13. Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) bilangan syarikat jualan langsung di negara ini; dan
- (b) jumlah aduan mengenai kes-kes penipuan yang melibatkan syarikat jualan langsung dan oleh kerana terdapat sesetengah barangan jualan langsung yang dijual dengan harga yang terlalu tinggi, adakah Kementerian bercadang untuk mengawal keadaan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sehingga 31hb Mac 1996 sejumlah 748 syarikat mempunyai lesen yang sah untuk menjalankan perniagaan berbentuk jualan langsung iaitu jualan dari pintu ke pintu, melalui telefon dan pesanan pos.
- (b) Kementerian ini memang ada menerima aduan-aduan terhadap syarikat jualan langsung dari masa

ke semasa. Kebanyakan aduan adalah daripada pengedar-pengedar yang tidak puas hati mengenai pembayaran bonus dan komisen daripada syarikat mereka dan daripada pengguna-pengguna yang melaporkan mengenai taktik jualan agen-agen yang tidak beretika dan bertentangan dengan tatacara jualan yang ditetapkan oleh Akta Jualan Langsung 1993.

Kementerian akan terus mengambil tindakan bagi sebarang pelanggaran akta dan peraturan-peraturan jualan langsung 1993 seperti menolak permohonan atau melakukan pembaharuan lesen.

Bagi menentukan syarikat-syarikat jualan langsung tidak mengambil keuntungan yang terlalu tinggi kementerian telah meminta pemohon-pemohon lesen jualan langsung mengemukakan struktur harga jualan dan mendapat penetapan harga jualan yang munasabah menjadi sebagai salah satu kriteria untuk mendapat lesen jualan langsung.

**Tuan Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa barang-barang yang dijual oleh syarikat jualan langsung dengan harga yang mahal dan apakah tindakan yang diambil oleh kementeriannya?

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, harga barangan yang dikeluarkan oleh syarikat jualan langsung tidak dikawal oleh kementerian ini, oleh kerana barangan bukan dalam kategori barang keperluan harian dan kebanyakan barang ini adalah barang mewah. Sungguhpun demikian, kementerian sentiasa membuat siasatan ke atas aduan-aduan pengguna mengenai harganya terlalu tinggi dan langkah-langkah yang perlu telah atau sedang diambil bagi menentukan bahawa tidak berlaku kenaikan harga dengan sewenang-wenangnya.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sejak tahun 1993 hingga Mac 1996 berapa banyakkah lesen-lesen syarikat jualan langsung yang telah dibatalkan oleh pihak kementerian dan apakah sebab-sebabnya pembatalan tersebut?

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini terdapat sebanyak 131 syarikat jualan langsung yang tidak dapat membarui lesennya oleh kerana sebab-sebab berikut:

- (i) ada sebanyak 125 syarikat telah menutup perniagaannya atau tidak lagi menjalankan perniagaan jualan langsung;
- (ii) terdapat sebanyak 3 syarikat telah ditolak kerana menjalankan perniagaan yang melanggar Akta Jualan Langsung 1993; dan
- (iii) sebanyak 3 syarikat lagi telah ditangguh pembaharuan lesen oleh kerana tidak memenuhi kriteria pelesenan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

*(Soalan No. 14 - Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah.

*(Soalan No. 15 - Y.B. Dato' Joseph Chong Chek Ah tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk pembetulan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** "Berapa peratuskah yang dimiliki oleh syarikat atau individu bumiputera Sabah". Soalan saya No. 16.

#### LESEN IPP MILIK INDIVIDU/ SYARIKAT BUMIPUTERA SABAH—JUMLAH

**16. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapakah jumlah lesen IPP yang telah dipohon dan diluluskan di Negeri Sabah dan berapa peratuskan dimiliki oleh syarikat atau individu bumiputera Sabah. Dari Jumlah tersebut berapa pula yang sedang beroperasi masa kini; dan
- (b) nyatakan tempat janakuasa IPP itu dibina dan syarikat yang memilikinya.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 3 lesen IPP telah dikeluarkan bagi Negeri Sabah.

Lesen yang pertama dikeluarkan kepada ARL Tenaga Sdn. Bhd yang dimiliki oleh ARL Associates Sdn. Bhd. Projek ini terletak di Melawa Kota Kinabalu. Keupayaan terpasang ialah 50 megawatt dan blok pertama telah pun beroperasi dengan keupayaan sebanyak 12.5 megawatt dan ia dijangka beroperasi penuh pada akhir bulan ini juga.

Lesen yang kedua telah dikeluarkan kepada Serudong Power Sdn. Bhd. dan projeknya terletak di Tawau. Pemiliknya ialah:

- |                     |   |       |
|---------------------|---|-------|
| (i) Premium Trac    | — | 16.8% |
| Industries Sdn. Bhd |   |       |



- (ii) Mega First Corporation Berhad — 69.6%
- (iii) Pesona Kaya Sdn. Bhd. — 13.6%

Keupayaan terpasang ialah 36 megawatt. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Oktober 1997.

Lesen ketiga telah pun dikeluarkan kepada Powertron Resources Sdn. Bhd. Projeknya terletak di Melawa, Kota Kinabalu. Projek ini dimiliki oleh:

- (i) Time Engineering Berhad — 40%
- (ii) EPE Power Corporation Berhad — 30%
- (iii) Sabah Energy Corporation — 20%
- (iv) Aras Setia Sdn. Bhd. — 10%

Keupayaan terpasang ialah 120 megawatt. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Julai 1997. Sukar bagi pihak saya ataupun kementerian untuk memberitahu tentang peratusan yang tetap, yang dimiliki oleh pihak bumiputera kerana ada beberapa buah syarikat adalah merupakan syarikat yang listed di BSKL. Tetapi saya suka memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakan ekuiti dimiliki oleh pihak bumiputera.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada kementerian kerana telah banyak mengeluarkan lesen IPP ini bagi memudahkan rakyat. Cuma saya ingin tahu berapa banyakkah lesen-lesen IPP ini yang telah dikeluarkan di seluruh Malaysia dan di Yan itu bilakah hendak mula dibuat?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 10 lesen IPP telah pun dikeluarkan di seluruh Malaysia. Berkenaan IPP di Yan ini pihak kerajaan masih dalam proses pertimbangan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bahawa Sandakan menghadapi masalah kuasa yang serius di mana selalu berlaku gangguan dan bekalan terputus, kenapa Sandakan ditinggalkan daripada peruntukan-peruntukan untuk jana kuasa atau IPP dan berapa kos bagi setiap IPP itu?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, tentang kos bagi setiap IPP ini, saya memerlukan notis supaya dapat memberikan maklumat yang terperinci kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Berkenaan gangguan janakuasa di Sandakan?

**Dato' Chan Kong Choy:** Oh, Sandakan! Berkenaan dengan IPP di Sandakan, Unit Perancang Ekonomi telah pun meluluskan satu lagi projek IPP yang berkeupayaan 60 megawatt dan ia akan dilaksanakan tidak lama lagi, setakat ini pihak kementerian belum lagi mengeluarkan lesen walaupun sudah diluluskan oleh pihak EPU, pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang membuat peraturan supaya dapat mengeluarkan lesen.

#### ASEAN 10—KOMITMEN UNTUK MEREALISASIKAN

**17. Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tingkat usaha yang dijalankan bagi merealisasikan ASEAN 10 dengan pihak-pihak yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, komitmen untuk merealisasikan ASEAN 10 telah dibuat oleh ketua-ketua kerajaan negara anggota ASEAN semasa persidangan kelima ketua-ketua kerajaan ASEAN pada Disember yang lepas di Bangkok, Thailand.

Laos yang memperolehi taraf negara pemerhati ASEAN pada tahun 1992, telah mengemukakan permohonannya secara rasmi untuk menganggotai ASEAN pada 15hb Mac, 1996.

Cambodia yang memperolehi taraf negara pemerhati Asean pada tahun 1995, bercadang untuk mengemukakan permohonan secara rasmi sebelum mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke-29 diadakan dalam bulan Julai, 1996 di Jakarta.

Kedua-dua negara telah menyatakan hasrat untuk menganggotai ASEAN menjelang Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Yang ke-30 pada bulan Julai, 1997 yang akan diadakan di Kuala Lumpur.

Permohonan Myanmar untuk menjadi negara pemerhati ASEAN yang diterima pada tahun 1995, akan diputuskan semasa Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke-29 yang akan datang pada bulan Julai, 1996 di Jakarta.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha sedang dibuat oleh ASEAN untuk membantu Cambodia dan Laos menggotai ASEAN pada tahun 1997. Ini termasuk memberi penerangan mengenai ASEAN dan juga mengadakan Seminar mengenai pelaksanaan kawasan perdagangan bebas ASEAN untuk pegawai-pegawai Cambodia dan Laos.

Pegawai-pegawai tersebut juga mengikuti program penempatan di secretariat ASEAN untuk mendapat pengalaman praktikal berkenaan, usaha kerjasama ASEAN di samping memahami organisasi ASEAN dan juga aspek pengurusan secretariat ASEAN.

Negara-negara anggota ASEAN seperti Singapura dan Malaysia pula menganjurkan kursus-kursus intensif yang meliputi kursus bahasa Inggeris kepada

pegawai-pegawai Cambodia dan Laos untuk meningkatkan pengetahuan dan tahap berkomunikasi mereka.

Bagi Malaysia, kursus-kursus tersebut dijalankan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri dan juga di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) kita.

Cambodia dan Laos juga dijemput untuk menyertai beberapa aktiviti kerjasama yang functional ASEAN dari semasa ke semasa seperti di dalam bidang sains dan teknologi, dalam bidang kebudayaan dan penerangan serta pembangunan sumber manusia.

ASEAN dengan negara-negara rakan dialog ASEAN serta organisasi serantau dan antarabangsa sedang mengenal pasti pelbagai bidang utama di mana bantuan dapat diberi untuk mempercepatkan integrasi Cambodia dan Laos ke dalam ASEAN.

Bantuan yang sama akan diberi kepada Myanmar apabila Myanmar mendapat taraf negara pemerhati ASEAN kelak. Malaysia memainkan peranan utama dalam usaha-usaha Asean untuk membantu mempercepatkan integrasi Cambodia, Laos dan Myanmar ke dalam organisasi ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Malaysia juga berusaha untuk meningkatkan kerjasama dua hala dengan ketiga-tiga negara tersebut. Adalah diramalkan objektif untuk merealisasikan ASEAN 10 ini dapat kita capai sebelum akhir abad ke-20.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Soal Jawab Mulut telah selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 14, 15 dan 18 hingga 45 akan dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (PEMBUBARAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah akta tersebut dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara yang lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan dibentangkan ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Pembangunan Bandar 1971 membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah akta tersebut dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sebelum cadangan rang undang-undang ini dibincangkan, izinkan saya menerangkan secara ringkas latar belakang Perbadanan Pembangunan Bandar.

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) ditubuhkan di bawah Akta Parlimen iaitu Akta 46. Akta Perbadanan Pembangunan Bandar pada 12hb. November, 1971. Sebagai sebuah agensi amanah yang diwujudkan dalam era Dasar Ekonomi Baru, UDA ditubuhkan dengan dua objektif utama iaitu membangunkan kawasan-kawasan bandar secara terancang dan menyusun semula masyarakat melalui pembangunan bandar.

Secara ringkas adalah menjadi fungsi UDA untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bandar bagi meningkatkan lagi penyertaan seimbang semua kaum dalam perniagaan dan kegiatan-kegiatan utama ekonomi bandar.

Pada masa ini, UDA mempunyai 694 orang kakitangan, seramai 161 orang kakitangan adalah dari kumpulan pengurusan dan profesional, sementara 533 adalah kakitangan sokongan.

Sejak ditubuhkan, UDA dalam usahanya menyusun semula masyarakat telah mempergiatkan projek-projek pembangunan bandar baru dan pembangunan semula bandar. Projek-projek pembangunan harta tanah ini menyumbang secara keseluruhannya kepada pembangunan kawasan perbandaran yang terancang. Ia juga mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan menempatkan usahawan pelbagai kaum dalam pusat-pusat pertumbuhan yang berdaya maju.

Pembangunan pusat-pusat pertumbuhan baru oleh UDA seperti Taman Tun Dr. Ismail, Subang Jaya yang kini telah diswastakan, Bandar Baru UDA di Johor Bahru, Bandar Tun Hussein Onn di Cheras, Bandar Baru Bertam di Seberang Perai menyediakan kawasan perumahan, pusat komersil dan rekreasi di mana masyarakat pelbagai kaum khususnya usahawan bumiputera menjalankan aktiviti perniagaan.

Pembangunan ini memberi peluang kepada masyarakat dan usahawan memiliki ruang-ruang perniagaan yang strategik dan mendiami kawasan perumahan terancang serba lengkap.

Sehingga kini, UDA telah menyiapkan lebih 5,000 unit ruang niaga dan sebahagiannya telah dijual atau sedang disewakan. Pada masa ini juga UDA memiliki dan menguruskan lebih 2 juta

kaki persegi ruang niaga di kompleks perniagaan siap ataupun dalam pembinaan di lokasi yang strategik, antaranya ialah BB Plaza, Kompleks Pertama, Hentian Pudu Raya, Sinar Kota - kesemuanya di Kuala Lumpur. Plaza Angsana di Johor Bahru dan Plaza Green Town di Ipoh.

Matlamat akhir pembinaan ruang niaga oleh UDA ialah untuk menyediakan peluang bagi bumiputera berniaga di kompleks perniagaan yang strategik. Sebanyak 76% daripada ruang niaga yang dimiliki oleh perbadanan ini sedang disewakan kepada bumiputera. Lebih 55% dari ruang niaga yang dijual oleh UDA juga telah dibeli oleh usahawan bumiputera.

Dalam sektor perumahan pula, UDA telah membangunkan lebih 13,600 rumah kediaman pelbagai jenis termasuk 2,149 unit rumah kos rendah di mana 73% daripada keseluruhan rumah kediaman telah dijual kepada bumiputera.

Syarikat-syarikat perunding dan pemborong bumiputera juga mendapat limpahan faedah daripada projek-projek UDA. Lebih 55% daripada kerja-kerja kontrak bernilai RM1,623 juta dan 60% daripada kerja-kerja perundingan projek bernilai RM130 juta telah dianugerahkan kepada ramai kontraktor dan perunding bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi kewangan perbadanan menunjukkan trend yang memuaskan. Sejak 5 tahun kebelakangan, kedudukan kewangan UDA bertambah mantap. Lebihan pendapatan atas perbelanjaan terkumpul meningkat daripada RM48.6 juta pada tahun 1990 kepada RM178.3 juta pada tahun 1993. Sehingga 31 Disember, 1994, UDA telah mencatatkan lebihan pendapatan terkumpul sebanyak RM260.5 juta. Unjuran kewangan bagi tahun-tahun hadapan juga menunjukkan UDA akan dapat mengekal serta memperkukuhkan

prestasi kewangannya. Selain dari Lembah Kelang, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuala Terengganu, UDA juga telah memperluaskan aktiviti-aktiviti pembangunannya ke bandar-bandar peringkat kedua dan bandar-bandar kecil yang berpotensi seperti Kuala Kangsar, Perak; Paka di Kuala Terengganu, Keluang di Johor dan Kepala Batas di Seberang Perai dan lain-lain.

Dalam melaksanakan aktiviti-aktivitinya, UDA bersaing dengan syarikat-syarikat swasta. Keupayaannya bersaing adalah terbatas disebabkan UDA tertakluk kepada peraturan dan prosedur kerajaan. Dalam konteks ini, peluang-peluang UDA untuk mempertingkatkan daya saing dan kekesanannya sebagai entiti korporat yang dinamik dalam melaksanakan aktiviti komersil adalah terhad. Sejak tahun 1980, UDA telah melaksanakan kaedah persyarikatan secara partial, dengan izin, di mana sebahagian daripada projek-projek pembangunan harta tanah, pengurusan bangunan dan perniagaan runcit dilaksanakan menerusi syarikat-syarikat subsidiary UDA. Kaedah ini menampakkan kesan faedah yang positif dalam meningkatkan motivasi kakitangan dan menyegerakan pelaksanaan projek setanding dengan prestasi syarikat-syarikat swasta.

Adalah dijangkakan kelebihan persaingan UDA dalam melaksanakan aktiviti pembangunan harta tanah dan perniagaan serta pencapaian masa hadapannya dapat diperkukuhkan sekiranya persyarikatan UDA dilaksanakan secara menyeluruh. Dalam perspektif inilah saranan supaya UDA dipersyarikatkan telah diperakukan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Setelah dipersyarikatkan UDA perlu mengusahakan sumber kewangannya sendiri memandangkan ia tidak dapat kemudahan peruntukan pinjaman kerajaan lagi. Ini bermakna persyarikatan UDA akan mengurangkan pergantungan

kepada sumber kewangan kerajaan untuk membiayai program-program pembangunannya.

UDA mempunyai harta yang kukuh sehingga akhir tahun 1994, Perbadanan telah berjaya meningkatkan pemilikan harta ke tahap RM1.2 bilion. Pemilikan harta ini merupakan salah satu kelebihan persaingan (competitive advantage) oleh UDA. Harta-harta ini boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman modal dari institusi kewangan bagi memperluaskan aktiviti pembangunan, meningkatkan pendapatan dan memperkukuhkan kedudukan kewangan syarikat seperti yang diamalkan oleh syarikat-syarikat swasta.

Dengan struktur modal yang lebih seimbang dalam bentuk ekuiti, sumber kewangan dalaman dan kemudahan pinjaman dari institusi kewangan swasta, UDA berkeupayaan menjadi pemaju harta tanah yang lebih mantap dan berdaya saing. Sebagai agensi kerajaan, UDA mengalami kesulitan dalam beberapa aspek pengurusan. Apabila UDA bertukar kepada sebuah syarikat, proses membuat keputusan boleh dipersingkatkan. Keputusan penting lazimnya dibuat oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan berdasarkan garis panduan dasar yang ditetapkan. Sebagaimana agensi awam yang lain, UDA sering menghadapi masalah untuk mengekalkan kakitangan teknikal untuk berkhidmat lebih lama kerana mereka tertarik dengan tawaran gaji yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat swasta.

Apabila bertukar menjadi sebuah syarikat, UDA kelak akan mempunyai peluang menawarkan insentif perkhidmatan yang sejajar dengan industri bagi meningkatkan moral dan kesetiaan kakitangan. Persyarikatan UDA dijangka tidak akan menjejaskan dasar dan objektif penubuhan serta hasrat kerajaan untuk melaksanakan projek-projek sosial, melaksanakan program pembangunan

dan tawaran dan menyusun semula masyarakat.

UDA dalam bentuk syarikat akan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan menerusi Kementerian Kewangan diperbadankan ataupun Ministry of Finance Incorporated. Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif yang dilantik oleh Menteri Kewangan bertanggungjawab mengawal dan memastikan objektif dan dasar kerajaan dilaksanakan oleh syarikat. UDA adalah perbadanan awam yang tidak mempunyai peranan pengawal-selia (regulatory). Peranan UDA lebih nyata sebagai pemaju harta tanah, pengurusan bangunan dan perniagaan retail. Oleh itu persyarikatan UDA tidak memberi kesan terhadap fungsi utamanya sebagai pelaksana projek-projek pembangunan bandar dan lain-lain aktiviti yang diceburinya.

Kuasa pengambilan tanah secara wajib yang diperuntukkan kepada UDA bagi tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan bandar akan lupus setelah UDA dipersyarikatkan. Walau bagaimanapun, kesan kehilangannya tetap terhadap operasi UDA adalah kecil. Kebanyakan tanah-tanah untuk pembangunan UDA diperolehi melalui pembelian. Setelah dipersyarikatkan UDA dengan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki akan meneruskan dan mempergiatkan peranannya sebagai agen pembangunan bandar dengan lebih efisien. Dalam melaksanakan projek-projeknya, UDA akan tetap meneruskan dasar-dasar dan matlamat kerajaan, termasuk pemberian kontrak pembangunan projek-projek kepada pemborong-pemborong bumiputera yang berkelayakan, pengagihan kuota pemasaran dan pemberian diskaun kepada pembeli pembeli bumiputera, program-program khidmat rundingan untuk membantu bumiputera memajukan tanah-tanah mereka di kawasan bandar juga akan diteruskan.

Pembangunan pusat-pusat pertumbuhan dan komersil akan memberi lebih banyak peluang kepada kumpulan sasaran, terutamanya kakitangan di kalangan usahawan untuk berniaga di pusat perniagaan yang strategik. Peranan UDA di bidang pembangunan usahawan akan terus dilaksanakan, khususnya usahawan harta tanah dan usahawan dalam bidang-bidang perniagaan yang berkaitan dengan kompleks membeli belah dan gedung raya. Program vendor dan sektor pembekalan bahan-bahan pembinaan yang dilaksanakan akan diperluaskan untuk menambah ramai usahawan-usahawan yang berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan persyarikatan UDA akan menyumbang kepada objektif kerajaan mengecilkan saiz perkhidmatan awam dan mengurangkan pergantungan kepada sumber kewangan kerajaan. Selain itu, UDA dan kakitangannya berpeluang untuk beroperasi lebih cekap sebagai sebuah badan korporat yang dinamik dan berdaya saing mencapai objektif tanpa mengabaikan kepentingan kumpulan sasaran dan menjejaskan matlamat serta dasar kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan persyarikatan UDA memerlukan Akta 46, Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 dimansuhkan. Cadangan pemansuhan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar ini dibentangkan untuk kelulusan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar yang ditubuhkan di bawah Akta

tersebut dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Kota Melaka.

3.51 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Di sini saya amat tertarik dengan pengumuman oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang keuntungan yang diperolehi oleh UDA, yang dibanggakan, sebanyak, kalau saya tidak silap, lebih daripada RM250 juta tetapi saya hendak bertanya adakah keuntungan ini dicapai menerusi operation, dengan izin, atau menerusi cara-cara lain?

Saya bertanya demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya merujuk kepada laporan Ketua Audit Negara tahun 1994 di mana, ada disebutkan tentang pembayaran balik oleh badan-badan berkanun kepada hutang pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dan di sini adalah disebutkan iaitu teguran Jabatan Audit Negara bahawa ada beberapa buah badan-badan berkanun yang lewat atau lambat dalam pembayaran balik hutang kepada Kerajaan Pusat dan di antaranya yang mempunyai tunggakan yang agak besar ialah Railway Access Corporation (RAC) iaitu sampai RM1.5 bilion, juga Urban Development Authority (UDA) iaitu hampir RM850 juta. Itu, tunggakan pembayaran balik atau tunggakan pinjaman kepada Kerajaan Pusat iaitu dalam tahun 1992, tunggakan UDA kepada Kerajaan Pusat ialah sebanyak RM378.06 juta, tahun 1993 RM466.49 juta dan tahun 1994 RM2 juta sahaja.

Di sini, saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua. Adakah keadaan ini

disebabkan oleh penjadualan semula hutang-hutang pinjaman oleh kerajaan dan kalau begitu adakah UDA boleh berasa bangga tentang prestasi yang dicapai? Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah return of the asset, dengan izin, kerana UDA terlibat dalam hartanah, apakah return of asset dari segi keuntungan yang diraih, diperolehi oleh UDA setiap tahun sejak tahun 1990 dan apakah hutang pinjaman setakat ini, oleh UDA bukan sahaja kepada pihak kerajaan tetapi juga pihak swasta?

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya mengapakah keadaan sedemikian di mana UDA, dalam tahun 1994 iaitu yang paling terkini, masih mempunyai tunggakan kepada kerajaan sungguhpun RM2 juta? Kerana saya rasa keadaan sedemikian tidak akan wujud dalam hutang-hutang pinjaman kepada institusi kewangan swasta dan adakah ini mencerminkan satu dasar pengurusan yang sihat yang digalakkan oleh pihak kementerian? Kerana di sini saya rasa usaha untuk membayar balik hutang kepada Kerajaan Pusat adalah lebih penting, kalau kita boleh takrifkan dari segi keutamaan atau priority, adalah lebih penting daripada pembayaran balik hutang kepada institusi kewangan swasta, tetapi sungguhpun begitu apa yang kita lihat ialah sebaliknya. Itu, seakan-akan hutang pinjaman daripada Kerajaan Pusat boleh dianaktirikan sedangkan yang dihutang kepada pihak swasta mestilah dibayar terlebih dahulu. Saya rasa mungkin anggapan ini berlaku kerana untuk institusi kewangan swasta mereka akan mengambil tindakan yang tegas dan keras kalau UDA dan badan-badan berkanun yang lain gagal membuat bayaran balik hutang mengikut jadual, tetapi untuk Kerajaan Pusat, ia agak acuh tak acuh, kalau bayar, bayarlah, tidak bayar, tidak bayarlah!

Saya rasa sikap tidak serius, tidak mengambil berat tentang hutang Kerajaan Pusat ini, mesti diperbetulkan kerana kalau

hutang Kerajaan Pusat, ia merupakan wang rakyat, bukanlah wang pihak swasta tetapi wang rakyat dan kalau wang rakyat, itu adalah satu khazanah yang harus diambil berat di mana ia diamanahkan kepada UDA dan UDA sebagai sebuah badan berkanun patut memberikan priority kepada hutang pinjaman kerajaan dan rakyat dan bukan sebaliknya di mana ia lebih mementingkan hutang yang mereka bayar balik kepada syarikat-syarikat swasta.

Di sini, sebelum saya mengakhiri ucapan ringkas saya, saya hanya ingin tahu butir-butir lebih lanjut kerana apa yang dibayangkan dan digambarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa bukanlah keadaan yang sebenarnya. Kalau beliau boleh memberikan akaun semasa kewangan yang lebih terkini iaitu tentang rate of return of assets employed, serta kedudukan hutang pinjamannya dan juga NTA, dengan izin, Net Tangible Assets Syarikat UDA bagi tiap-tiap tahun sejak tahun 1990, saya rasa kita boleh bahaskan masalah ini dengan lebih mendalam dan lebih bernas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Balik Pulau.

3.55 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam pembahasan Rang Undang-undang Perbandaran Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995.

Jika kita lihat seperti yang telah dikatakan semasa pembentangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua objektif penubuhan UDA iaitu pembangunan pempandaran yang terancang dan menyusun semula masyarakat melalui pembangunan bandar. Kalau kita lihat daripada matlamat

penubuhannya, kita rasakan penubuhannya tergerak daripada satu penilaian yang menggunakan kriteria sosial politik yang mendapati bahawa kedudukan pada ketika ianya ditubuhkan memerlukan satu perbadanan seperti ini ditubuhkan. Ini bermakna terdapat seakan-akan satu economic market failure yang memberi justifikasi kenapa UDA ditubuhkan pada ketika itu iaitu ianya mempunyai matlamat-matlamat yang tertentu ditubuhkan.

Sekarang kita hendak membubarkan entiti yang kita tubuhkan untuk mencapai matlamat sosial politik yang tertentu itu. Ini merupakan satu langkah yang akan membawa kepada langkah untuk dikorporatkan badan ini dan seterusnya mungkin akan diswastakan langsung.

Persoalan yang saya ingin penjelasan daripada kementerian ialah apakah rasional, walaupun telah diperjelaskan tadi, untuk kita melangkah ke arah ini? Kita menubuhkan UDA untuk mencapai matlamat yang lebih bersifat sosio politik walaupun mekanisme pelaksanaan UDA bergantung kepada mekanisme ekonomi. Jadi, sekarang ini kita hendak membubarkannya dan seterusnya mengkorporatkannya. Jadi, dari segi apabila kita menyudahkan proses ini, apakah ukuran-ukuran yang boleh kita bentuk untuk kita menilai keberkesanan usaha kita mengkorporatkan sebuah agensi seperti UDA ini?

Apabila kita mengkorporatkan badan-badan awam seperti MAS, MISC, Telekom, TENAGA dan sebagainya, kita boleh mendapat ukuran-ukuran yang khusus untuk kita menilai keberkesanan proses pengkorporatan dan penswastaaan yang kita lakukan. Kita boleh melihat kepada, dengan izin, dissipation of economic rent yang ada dalam satu-satu industri. Kita boleh melihat dari segi jika industri yang kita swastakan itu, seperti Telekom ataupun TNB ianya satu

monopoli yang mendatangkan pulangan luar biasa dalam istilah ekonomi dan kalau pulangan luar biasa itu dapat kita lupuskan, ianya satu petunjuk bahawa industri itu mencapai kepada satu tahap kecekapan yang lebih baik.

Jadi, kita boleh gunakan ukuran-ukuran yang spesifik yang sedemikian untuk kita menilai sejauh manakah kita dapat mencapai matlamat penswastaaan entiti-entiti yang mempunyai kegiatan ekonomi yang khusus seperti itu. Untuk entiti yang mempunyai objektif sosio politik seperti UDA, apakah dia ukuran-ukuran yang dapat kita gunakan untuk kita mengukur keberkesanan atau pun sejauh manakah kita dapat menilai kekesan kita mengubah daripada sebuah entiti perbadanan seperti ini kepada sebuah entiti korporat? Apakah ukuran-ukuran yang dapat kita gunakan dan kayu ukur yang dapat kita gunakan untuk kita menilai kekesan exercise ini?

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kita tahu dan kita memang faham, seperti yang dikatakan tadi bahawa salah satu daripada objektifnya ialah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan juga memperbaiki skim perkhidmatan kakitangan UDA. Itu dari segi perjalanan pentadbiran pengurusan entiti. Tetapi soal yang saya maksudkan tadi ialah dari segi bagaimana ianya dapat mencapai objektifnya, apakah kayu ukur yang boleh kita gunakan?

Tuan Yang di-Pertua, UDA, walaupun apabila ianya dibubarkan dan dikorporatkan nanti, ianya adalah satu entiti yang dijadikan satu agen pembangunan bandar. Tetapi kalau kita lihat sebenarnya dalam Akta asalnya pun kerana peranan yang akan dimainkan oleh UDA dalam era yang akan berlaku selepas exercise ini, kita mendapati, sebagai sebuah agen pembangunan bandar, UDA



tidak terlibat di dalam perancangan di peringkat makro. UDA hanyalah terlibat dalam perancangan di peringkat mikro iaitu UDA adalah lebih merupakan sebuah pemaju hartanah.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada Kementerian dan persoalan yang hendak saya timbulkan ini, mungkin juga saya timbulkan kalau pun tidak berlaku exercise pembubaran ini. Kita hendak tahu, sebagai sebuah entiti dan satu agen yang berperanan dalam pembangunan bandar dan mempunyai objektif-objektif tertentu yang lain, bagaimanakah UDA dapat mencapai matlamatnya jika UDA tidak terlibat kepada perancangan di peringkat makro?

Jika UDA tidak terlibat seperti peranan yang dimainkan oleh pihak berkuasa tempatan dan juga pihak kerajaan negeri dalam membentuk pelan struktur, pelan tindakan peringkat daerah atau di peringkat negeri, dari segi zoning, dari segi development conceptnya, jadi bagaimanakah UDA yang tidak ada laluan atau jalan untuk melibatkan diri dengan perancangan di peringkat makro sebegini rupa boleh mencapai matlamatnya sebagai sebuah agen pembangunan bandar? Itulah persoalan yang saya ingin timbulkan, terutamanya dalam konteks apabila UDA bukan lagi menjadi sebuah perbadanan kerajaan. Apabila ianya menjadi sebuah entiti korporat, walaupun dipegang 100% sahamnya oleh Kementerian Kewangan yang diperbadankan, ianya akan yang berada lebih jauh daripada kuasa kerajaan berbanding dengan sekarang.

Jadi, dalam konteks itu, ianya tidak terlibat dalam peringkat perancangan makro, tentang pembangunan bandar, bagaimanakah UDA boleh memastikan bahawa UDA menjadi relevan dalam perancangan pembangunan bandar dalam usahanya untuk mencapai matlamat-matlamatnya yang tertulis dalam konteks ianya tidak terlibat, mungkin ianya di

luar pengetahuan saya, kalau mungkin UDA mempunyai mekanisme yang lain yang mana UDA mempunyai kesan daripada perancangan peringkat makro bersama-sama pihak-pihak berkuasa tempatan ataupun pihak-pihak kerajaan negeri demi untuk mencapai matlamat proses perbandaran yang tersusun dan juga memenuhi tuntutan-tuntutannya yang lain.

Di sini juga saya ingin menimbulkan, apabila UDA dalam proses membubarkan dirinya untuk pergi kepada persyarikatan, adakah UDA membuat satu penilaian yang sebenar-benar tentang tahap pencapaian entiti yang hendak kita bubarkan ini dan yang hendak kita persyarikatkan seterusnya? Maknanya, dari segi objektif penubuhan UDA pada asalnya, apakah UDA mempunyai data-data yang boleh menunjukkan dan memberi satu ukuran kepada kita sejauh manakah UDA telah mencapai matlamat-matlamat yang hendak dicapai, dari segi macam-macam—dari segi ruang pejabat, ruang niaga, pembangunan usahawan, pemborong, proses perbandaran bumiputera misalnya dan sebagainya.

Adakah UDA mempunyai satu data bank, satu data base dan satu seksyen corporate planning yang mana UDA dapat menjalankan satu exercise untuk menilai semula keberkesanannya setelah sekian lama wujud sebelum ianya dipersyarikatkan. Jika ada, kita mohon sedikit gambaran dari segi pencapaian UDA setakat ini sebelum ianya dipersyarikatkan.

Kita juga memohon supaya mekanisme untuk UDA dalam bentuk ianya yang sudah dipersyarikatkan pun, UDA masih lagi mengekalkan satu division ataupun satu bahagian di dalam UDA sendiri yang senantiasa dan secara berterusan menilai semula keberkesanan UDA dalam mencapai matlamat-matlamatnya.

Saya bukan hendak menimbulkan keraguan, sebab kita merasakan kini UDA adalah satu entiti yang ditubuhkan yang mempunyai matlamat sosio politik. Itu kita semua tahu. Jadi, proses penswastaan ataupun persyarikatan satu entiti yang sebegini rupa adalah satu exercise yang berlainan daripada exercise persyarikatan dan penswastaan yang telah kita jalankan yang lepas-lepas.

Jadi, saya mohon UDA mengekalkan mekanisme UDA sendiri menjalankan self examination yang kritikal yang menilai secara berterusan keupayaan dan prestasinya untuk mencapai matlamat penubuhan asalnya. Kita menyokong usaha persyarikatan ini kerana kita merasakan bahawa dengan mensyarikatkan UDA, ianya mengukuhkan pengurusan UDA dan seterusnya meningkatkan daya saing UDA sebagai sebuah pemaju hartanah yang terpaksa bersaing dengan pemaju-pemaju hartanah yang lain dalam pasaran.

Tetapi kita senantiasa ingat bahawa walaupun kita hendak tingkatkan kecekapan pengurusan dan memperbaiki skim perkhidmatan tenaga kerjanya, kita selalu ingat UDA mempunyai matlamat-matlamat tertentu pada kala ianya ditubuhkan.

Kita merasa sukacita misalnya apabila diberitahu bahawa UDA mempunyai pemilikan harta yang kukuh yang melebihi RMI billion, seperti yang dibentangkan tadi, tetapi kita juga ingin penjelasan dari segi mekanisme pengawalan, penggunaan aset dan pengurusan kerana kita tahu sebesar mana pun aset, kalau setakat RMI billion, hendak beri habis, memang boleh beri habis dan perkara ini pun pernah berlaku.

Jadi, selain daripada mekanisme penilaian prestasi yang saya kata tadi, saya juga mohon penjelasan dari segi mekanisme pengawalan, dari segi

kedudukan kewangan UDA apabila ianya disyarikatkan nanti, walaupun kita mengucapkan tahniah kerana UDA dapat setakat ini, sebelum ianya dipersyarikatkan dapat mengumpul harta yang begitu kukuh kedudukannya tetapi kita rasa ianya satu langkah yang prudent dan yang berhati-hati jika kita institutkan mekanisme yang memastikan bahawa kedudukan kewangan UDA di masa-masa depan di dalam kedudukannya sebagai sebuah syarikat pemaju hartanah di masa depan bolehlah terjamin kerana kita tidak boleh membiarkan satu agensi yang mempunyai agenda sosial, tetapi yang terpaksa bersaing dalam pasaran dengan kuasa-kuasa pasaran yang ada di luar terbunuh dari segi ekonominya dan hasil daripada itu kita juga gagal mencapai matlamat sosial penubuhan asalnya.

Jadi, dengan persoalan-persoalan yang saya timbulkan tadi, saya berharap benar dengan usaha persyarikatan UDA ini, pembubaran dan seterusnya persyarikatan UDA, UDA akan mencapai satu tahap pengurusan yang lebih cekap dan meningkatkan daya saingnya dan akhirnya UDA dapat mencapai objektif penubuhan asalnya dengan lebih baik.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Labuan**

4.13 ptg.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan bagi membubarkan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bandar-bandar utama di negara ini sememangnya pada peringkat yang boleh

kita banggakan. Pembangunan yang pesat, yang rancak kita lihat ini adalah selaras dengan pencapaian ekonomi negara yang cukup memberangsangkan. Bandar-bandar utama dibangunkan dan berkembang sebagai pusat perdagangan dan kegiatan ekonomi di seluruh negara dan saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) yang bertanggungjawab sebagai arkitek pembangunan bandar-bandar di negara ini. Dan sejak mula beroperasi pada November 1971 hingga kini, UDA secara berterusan giat memaju dan melaksanakan program-program ke arah menyediakan peluang yang seimbang kepada masyarakat bumiputera untuk menikmati hasil kecemerlangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah penjajahan di negara ini telah mencorakkan latar hidup rakyat Malaysia mengikut pecahan kaum. Di zaman kolonial, dasar pecah belah dan perintah atau divide and rule, dengan izin, memecahkan serta menempatkan rakyat di lokasi berbeza mengikut pecahan kaum. Kaum Cina ditumpukan di kawasan bandar-bandar yang sememangnya merupakan pusat kegiatan ekonomi. Orang-orang Melayu pula melaksanakan kerja-kerja pertanian di kawasan desa, manakala kaum India terus ditempatkan di ladang-ladang ataupun di estet-estet. Dasar yang sebegini. Tuan Yang di-Pertua, begitu memberi kesan kepada generasi terkemudian. Perbezaan taraf hidup dan jurang ekonomi amat jelas walaupun setelah negara mencapai kemerdekaan. Pelbagai usaha dijalankan termasuklah dalam beberapa siri Rancangan Malaysia, tetapi apa yang telah dicorakkan oleh penjajah masih ketara dan membusung.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat inilah Allahyarham Tun Abdul Razak yang pada ketika itu merupakan Perdana Menteri Malaysia berpendapat, perlunya diwujudkan sebuah badan

berkanun dengan kuasa, sumber kewangan dan tenaga manusia yang mampu mengatasi kepelbagaian masalah yang telah sedia wujud ataupun berkemungkinan wujud disebabkan proses perbandaran di Kuala Lumpur dan di pusat-pusat pertumbuhan utama di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan mandat itu UDA ditubuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 digubal untuk menggariskan peranan serta tanggungjawab UDA. Matlamat UDA merupakan matlamat serampang dua mata iaitu mempertingkatkan pemilikan harta bumiputera dan mempertingkatkan penyertaan ekonomi masyarakat bumiputera melalui peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan. Objektif penubuhan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, antaranya ialah bagi membangunkan bandar secara terancang di samping menyusun semula masyarakat melalui pembangunan bandar dan antara tugas UDA ialah memaju dan melaksana projek di bandar-bandar melalui pembangunan dan pembangunan semula perumahan awam, pembaikan keadaan alam sekeliling, perkhidmatan, kenderaan, lalu lintas dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tugas kedua UDA lebih merupakan social planning, dengan izin, ialah memaju dan melaksanakan peluang kepada pelbagai kaum dan ketiga, pihak UDA bertanggungjawab merencana program-program untuk membentuk semula masyarakat melalui pembangunan bandar. Segala usaha UDA ini ternyata membuahkan hasil. Banyak bangunan terbina yang memberi peluang kepada para peniaga bumiputera menceburi bidang perniagaan, antaranya ialah di Kuala Lumpur ini Plaza Sungai Wang, Plaza Bukit Bintang, Kompleks Pertama, Sinar Kota, Kompleks Dayabumi dan beberapa lagi. Taman Tun Dr. Ismail dan Subang

Jaya juga merupakan antara kejayaan cemerlang UDA. Namun setelah hampir 25 tahun beroperasi, UDA terpaksa akur dengan peredaran waktu dan perubahan sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan perniagaan UDA tidak boleh lagi terkongkong dengan birokrasi kerajaan yang tidak kompetitif. Terikat dengan sumber kewangan dari kerajaan menyebabkan UDA tidak dapat berfungsi dengan lebih berkesan dan ini ditambah lagi dengan arus perubahan dan kerancakan perdagangan seperti pembangunan yang serba mahal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sumber kewangan yang amat terhad, UDA tidak dapat berperanan dengan sewajarnya dan pada hemat saya sudah tiba masa untuk beroperasi dengan lebih berkesan serta dapat memberi penumpuan menyeluruh terhadap pertumbuhan bandar-bandar di seluruh Malaysia. Pembubaran Akta Perbadanan Pembangunan 1971 sekaligus mengkorporatkan UDA merupakan satu langkah yang tepat pada masanya dan ini kerana UDA sebagai sebuah organisasi perniagaan tidak mampu melaksanakan tugas secara berkesan kerana terhimpit dengan birokrasi kerajaan justeru menghadkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, ketidakupayaan ini mengakibatkan banyak program UDA tidak dapat mencapai kejayaan yang memuaskan. Apa yang jelas UDA mampu menyediakan bangunan dan premis perniagaan tetapi kurang berjaya memberi pemilikan kepada peniaga bumiputera kepada 30% walaupun pembahagian asal melebihi 50% seperti yang dinyatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, tetapi peniaga bumiputera tidak dapat mempertahankan peratus ini. Maka objektif utama UDA untuk membangunkan kawasan bandar melalui pengagihan peluang kepada semua kaum ternyata gagal. Apa yang wujud ialah jurang yang sedia ada di antara strata

ekonomi perniagaan mengikut kaum terutamanya di kawasan bandar-bandar semakin meluas.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan ini perlukan diberikan pertimbangan yang sewajarnya; ia berlaku di hadapan mata kita, secara jelas tanpa memerlukan pakar ekonomi untuk menghuraikannya. Rata-rata kompleks atau plaza membeli-belah di pusat-pusat bandar termasuklah plaza yang diusahakan oleh UDA dimonopoli oleh peniaga bukan bumiputera. Kebanyakan premis-premis perniagaan yang besar-besar tidak dimiliki oleh peniaga bumiputera, maka di mana kita hendak mengenal pasti peniaga orang bumiputera di plaza tersebut. Mereka ini tersingkir jauh di ceruk bangunan, memenuhi gerai-gerai makanan dan minuman yang sempit, kotor dan tidak teratur sama ada di tingkat bawah bangunan atau di tingkat atas sekali, yang pastinya kurang pengunjungnya.

Perniagaan dan susun gerai yang disewa jelas menunjukkan bahawa perniagaan jenis ini sahajalah yang layak bagi peniaga bumiputera, tidak akan wujud peningkatan dari segi perkembangan perniagaan mahupun keuntungan yang diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya bagaimanakah fenomena ini boleh terjadi di bawah kawalan UDA? Adakah kerana orang bumiputera tidak mampu bersaing dengan peniaga bukan bumiputera atau mereka tidak mampu dengan tekanan-tekanan di peringkat awal perniagaan atau belum cukup bantuan oleh kerajaan terhadap mereka? Para peniaga bumiputera terutamanya di negara ini sebilangan besarnya hanya tertumpu kepada perniagaan makanan, pakaian, barang-barang runcit selain berjaja di pasar-pasar malam dan mereka ini jauh ketinggalan berbanding peniaga bukan bumiputera walaupun pelbagai insentif telah disediakan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya.

Tuan Yang di-Pertua, tahap penyertaan bumiputera dalam perniagaan keseluruhannya masih rendah dan terus gagal bersaing dengan kaum lain dan kekurangan penyertaan bumiputera ini memperlihatkan kegagalan strategi asal UDA yang salah satunya ialah untuk melaksanakan pembangunan bandar secara terancang dalam usaha menambah hak milik bumiputera dari segi bilangan dan juga nilai harta yang dimiliki dan matlamat 30% pemilikan premis perniagaan kepada bumiputera masih jauh untuk dicapai.

Saya mengambil contoh Plaza Bukit Bintang dan Plaza Sungei Wang yang 100% milik UDA dan sekiranya kita membuat tinjauan, amat jelas sekali hanya 5% atau kurang di mana peniaga bumiputera dari jumlah keseluruhan perniagaan di plaza berkenaan dan lebih mengecewakan lagi 90% daripada jumlah peniaga bumiputera ini merupakan perniagaan makanan dan pakaian tradisi melayu sahaja dan jenis perniagaan yang diceburi ini pula adalah jenis perniagaan yang tidak digemari oleh para peniaga bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, fenomena ini menunjukkan terdapatnya kepincangan dari segi pelaksanaan program-program UDA yang asalnya mahu memajukan masyarakat melalui keseimbangan imbalan ekonomi. Bangunan Lot 10 juga merupakan satu contoh yang baik dalam meneliti kelemahan UDA, Lot 10 dibangunkan oleh peniaga bumiputera tetapi dari segi kadar penyewaannya didapati kurang dari 5% premis perniagaan di bangunan tersebut dimiliki oleh peniaga bumiputera. Lot 10 dan Plaza Bukit Bintang hanya merupakan dua contoh yang terdekat yang jelas kecuali Bandar Shah Alam, di mana jumlah premis perniagaan di seluruh negara yang dimiliki oleh bumiputera kurang daripada 10% di semua bandar di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pegangan premis perniagaan oleh bumiputera merupakan isu penting kerana ia merupakan matlamat asal organisasi ini dan kita mengharapkan bila UDA dikorporatkan bilangan ini akan bertambah dan UDA boleh bertindak menyusun semula strategi dan memperbetulkan keadaan agar imbalan ekonomi negara menjadi sekata.

Kita sedar bahawa penumpuan UDA di kawasan bandar adalah kerana kawasan ini merupakan pusat perkembangan ekonomi negara yang kita sedari dan daripada zaman penjajahan lagi dimonopoli oleh golongan bukan bumiputera. Secara rasionalnya agihan ekonomi ini wajarlah dikongsi bersama oleh semua kaum dan UDA diberi tanggungjawab memastikan agihan ini benar-benar berlaku.

Apa yang dapat diperhatikan Tuan Yang di-Pertua, dengan pengambilan dua contoh bangunan tadi, UDA ternyata masih lemah dan gagal mencapai matlamat walaupun setelah hampir 25 tahun beroperasi.

Sehubungan dengan itu pengkorporatan UDA justeru mengeluarkan UDA daripada birokrasi kerajaan pada hemat saya dapat mengatasi masalah yang menekan UDA kini dan tanpa karenah birokrasi kerajaan, maka mudah bagi UDA untuk mendapatkan tabungan mereka sendiri dan UDA juga pasti akan mampu menjadi sebuah organisasi yang berorientasikan perniagaan dan menjalankan tanggungjawab mereka kepada rakyat apabila mempunyai kewangan yang kukuh dan saya yakin dan beranggapan UDA mempunyai potensi untuk terus berkembang dari segi pulangan bagi setiap pelaburannya.

Persoalan yang terbit dari kelemahan ini ialah negara kita telah membentuk banyak dasar untuk memastikan tiada jurang ekonomi antara kaum dan salah

satunya ialah kerajaan akan memastikan setiap bangunan yang telah siap sama ada premis perniagaan mahupun perumahan tidak akan dikeluarkan Sijil Layak Menduduki (CF) sekiranya 30% pemilikan bumiputera ini tidak dapat dicapai, namun secara jelas dasar ini mungkin tidak dapat dilaksanakan.

Kita telah melahirkan kontraktor-kontraktor gergasi yang bukan bumiputera, yang mana mereka ini diberi kepercayaan bagi membina bangunan sekitar bandar di seluruh negara, tetapi apa yang kita dapati dasar ini tidak dapat dikuatkuasakan dan apa yang jelas hak milik 30% bumiputera bukan syarat untuk pengeluaran setiap CF yang dikeluarkan dan pengeluaran CF pula merupakan satu authority yang dipunyai oleh agensi lain. Masalah ini perlu diberikan perhatian Tuan Yang di-Pertua, kerana sekiranya ini masih berterusan, maka akan menjejaskan peluang perniagaan bumiputera di masa hadapan, makajurang perbezaan ini akan terus meluas. Operasi UDA sebelum ini nampaknya hanya tertumpu di bandar-bandar di Semenanjung Malaysia sahaja, walaupun pada masa sekarang sudah ada langkah UDA untuk ke Sabah, namun ianya masih tidak jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak sebab mengapa bandar-bandar di Sabah, di Sarawak termasuklah Labuan tidak dibangunkan sedangkan bandar-bandar di negeri ini saya dapati amat berpotensi dan banyak peluang untuk mengaut keuntungan dalam pelbagai aspek pembangunan hartanah.

UDA sepatutnya diberi penumpuan yang menyeluruh di setiap negeri di Malaysia dan apabila dikorporatkan kelak, saya berharap UDA dapat menyempurnakan tugasnya di Malaysia Timur juga. Sudah tiba masanya UDA membantu para peniaga di Sabah, di Sarawak dan di Labuan untuk memiliki

premis perniagaan mereka. Ini bukan sahaja membela nasib para peniaga bumiputera di bandar-bandar terbabit malah mampu memberikan keuntungan yang lumayan kepada UDA.

Tuan Yang di-Pertua, pengkorporatan UDA pada hemat saya akan menyebabkan UDA lebih kompetitif, lebih efisien dan lebih profesional dalam pengendalian tugasnya nanti dan menerusi pengkorporatan juga diharapkan UDA dapat mengatasi masalah kehilangan tenaga mahir lagi profesional kesan daripada persaingan. Sebagai sebuah organisasi yang berusia suku abad ini, UDA telah memiliki asas yang mantap terutamanya dari segi tenaga mahir yang kini mempunyai lebih 900 orang kakitangan. Malangnya oleh keranterikat dengan birokrasi kerajaan, tenaga mahir ini tidak dapat diberi ganjaran yang sama seperti yang ditawarkan oleh pihak swasta. Dan akibatnya ramai pekerja mahir berhijrah kerana gaji yang ditawarkan oleh swasta berlipat kali gandanya.

Dan amat sukar bagi UDA mengekalkan tenaga kerja profesionalnya dan mahir untuk kekal berkhidmat dengan mereka dan birokrasi kerajaan mengikat skima dan pembayaran gaji kerajaan yang jelas menyebabkan UDA kehilangan pegawai-pegawai mahirnya sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, pengkorporatan UDA akan menggalakkan setiap organisasi untuk lebih kompetitif dan saling bersaing untuk mendapatkan tenaga mahir di samping meningkatkan keuntungannya dan pada saya tindakan supaya UDA dikorporatkan amat proaktif demi menjamin pembangunan bandar-bandar lain di Malaysia lebih teratur, terancang serta dikendalikan oleh tenaga mahir.

Sehubungan dengan itu, saya amat menyokong bahawa Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 dibubarkan dan UDA ini akan dikorporatkan dan

pengkorporatan ini pada hemat saya amat bertepatan dengan masa dan ketikanya.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana sudah tibalah masanya UDA diperbetulkan demi mencapai matlamat asal penubuhannya dan saya amat berharap dengan pengkorporatan UDA nanti, nasib peniaga bumiputera di bandar terbela dan tidak disingkir seperti apa yang sedang berlaku sekarang.

Saya amat yakin dengan sejarah pengkorporatan di negara ini sememangnya menunjukkan pencapaian di luar jangkaan dan sudah banyak syarikat-syarikat yang dikorporatkan seperti Telekom, Tenaga Nasional Berhad, Pos Malaysia dan sebagainya dan memperlihatkan peningkatan dari segi prestasi dan mutu kerja serta perkhidmatan keuntungan juga diperolehi dengan berlipat kali ganda.

Oleh yang demikian, pengkorporatan UDA akan membawa kepada perkhidmatan yang lebih bersistem, bersih serta sifar penyelewengan dan yang lebih penting ialah ia mampu memajukan peniaga bumiputera setanding dengan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya percaya UDA tidak akan diswastakan tetapi ianya hanya akan dikorporatkan. Walaupun ianya dikorporatkan, saya berharap fungsi yang dimainkan oleh UDA untuk menyusun semula masyarakat di bandar akan terus berlaku dan bumiputera diberikan perhatian yang sepatutnya. Walaupun kita mengetahui bahawa dari segi pemberian pengagihan rumah-rumah yang dimajukan oleh UDA melebihi 73%, manakala ruang perniagaan yang disewakan kepada bumiputera melebihi 76%, saya mengharapkan UDA tetap membela kepentingan bumiputera dan memastikan supaya penyusunan semula premis dan penyusunan semula hak milik hartanah di kawasan bandar akan terus

diperbaiki daripada tahap yang ada sekarang ini.

Secara umum, kita belum boleh berbangga terhadap pencapaian bumiputera, sama ada secara langsung menerusi pembangunan UDA ataupun pemaju-pemaju lain dari segi pemilikan premis perniagaannya. Dari segi statistiknya, pemilikan premis perniagaan bumiputera di semua bandar-bandar di seluruh negara kita ini adalah di bawah 10% dan di setengah-setengah bandar, termasuklah di Sabah, Sarawak dan Labuan ada yang di bawah 5% pemilikan premis perniagaan yang dipunyai oleh bumiputera.

Jadi, saya mengharapkan dengan pembubaran akta ini dan pengkorporatan UDA segala yang telah saya sebutkan dalam perbahasan ini akan mendapat perhatian dan mendapat pembelaan daripada UDA pada masa yang akan datang. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kubang Kerian.

4.35 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kerajaan pimpinan Umno dan Barisan Nasional tidak ada komitmen lagi untuk memperjuangkan hak-hak bumiputera, satu demi satu hak-hak bumiputera mereka tidak pertahankan atau mereka perjuangkan. Keluhan ini semakin timbul sekarang termasuklah daripada Tun Daim Zainuddin yang sehingga berlakunya Peristiwa 13 Mei di antaranya adalah disedari iaitu tidak seimbang kedudukan dalam bidang ekonomi terutama sekali dan juga dalam masalah sosial.

Maka selepas 13 Mei semua pihak sedar, satu pihak mesti dibantu, satu pihak mesti berkorban untuk memelihara

kedaulatan Malaysia dalam masa jangka yang panjang. Oleh itu, beberapa agensi dilahirkan ataupun dipergiatkan untuk membantu bumiputera terutama dalam bidang pelajaran dan juga dalam bidang pembangunan dan pemilikan harta. MARA misalnya dipergiatkan dengan sehebatnya selepas Peristiwa 13 Mei ataupun bermula sahaja Dasar Ekonomi Baru sehinggalah sekarang peruntukan kepada MARA pun dikurangkan sedangkan kita tahu bumiputera masih lagi perlu dibantu.

Begitulah juga agensi yang lain, menyedari bahawa bandar-bandar didiami kebanyakannya oleh orang-orang bukan bumiputera, para peniaga dan orang-orang Melayu, bumiputera tinggal di luar bandar. Oleh itu, usaha dibuat secara bersungguh-sungguh supaya penyeimbangan kaum berlaku di bandar-bandar.

Allahyarham Tun Abdul Razak mengutarakan pandangan ini iaitu Kuala Lumpur misalnya mestilah bumiputera dan bergaul dengan bangsa-bangsa lain paling kurang bumiputera ada 30% atau 40% di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar yang lain. Maka UDA ditubuhkan, begitu juga badan-badan lain dipergiatkan untuk membantu bumiputera supaya mereka boleh duduk dalam bandar, menjalankan perniagaan, memiliki harta dan sebagainya.

Selepas merdeka, kita lihat bandar-bandar majoriti bumiputera begitu banyak tumbuh, di antaranya Kota Bharu, Kuala Terengganu, Johor Bahru, Alor Setar. Yang tinggal sekarang majoriti bumiputera hanya di dua bandar sahaja lagi iaitu Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Johor Bahru telah habis dan juga Alor Setar juga telah habis. Ini akibat pembangunan pesat dan pengawalan daripada kerajaan yang menyebabkan bumiputera tidak mampu bertahan tinggal di dalam bandar kerana mereka tidak mampu memiliki harta ataupun gedung perniagaan yang harganya begitu tinggi.

UDA ditubuhkan di antaranya untuk membangunkan bumiputera di dalam bandar dan juga membimbing bumiputera supaya memiliki harta-harta di dalam bandar dan bersing perniagaan mereka di dalam bandar. Komitmen itu terus berjalan tahun demi tahun, belanjawan dikemukakan dan peruntukan kepada UDA sentiasa ditambah. Walau bagaimanapun, kita lihat telah dibuat beberapa perkara yang kita lihat bumiputera boleh berada di dalam bandar menyertai perniagaan yang dibantu oleh UDA dan juga MARA. Komitmen itu sekarang sudah mula berkurangan, sebab semata-mata dilihat sekarang ini keuntungan. Pemikiran pemimpin negara dilanda dengan politik wang. Semuanya difikir untung, tidak difikirkan lagi masalah sosial.

Tadi, Ahli Yang Berhoramt dari Balik Pulau telah lagi mempertikaikan UDA adalah satu projek sosial, lebih merupakan projek sosial daripada projek keuntungan. Tetapi nampaknya kerajaan sekarang lebih menumpukan keuntungan, tidak memperdulikan masalah sosial. Kritikan itu datang daripada Balik Pulau, penyokong kerajaan kerana mereka sendiri sedar bahawa sekarang komitmen kerajaan untuk membantu bumiputera begitu 'slack' sekali, begitu lemah sekali, tidak ada semangat untuk meneruskan program-program Dasar Ekonomi Baru sebab bagi mereka untung yang mereka fikirkan, bukan masalah sosial ataupun masalah yang akan kita pikul pada masa yang akan datang.

Kita dengar misalnya, sekarang bumiputera begitu kaya, ada yang mampu sehingga boleh berkahwin dengan ratu cantik Afrika Selatan yang ambil gambar bogel dalam majalah Playboy, begitu kaya sekali. Kita dengar bumiputera begitu kaya tetapi bila dibentangkan pada hari ini, kita terkejut iaitu ruang-ruang niaga yang disewa, yang diperuntukkan, tidak dapat disewa oleh bumiputera. Di mana bumiputera yang kaya itu? Adakah kaya



dalam bentuk anugerah saham? Kaya artificial. Ini yang saya kemukakan beberapa kali. Bimbingan kepada mereka untuk kaya dalam perniagaan yang sebenar tidak berlaku, hanya anugerah saham ataupun keluarga yang terdekat dengan mereka yang berjawatan tinggi mendapat kekayaan, mereka mempunyai office yang kecil, satu handphone, satu kereta besar, kekayaan ini kekayaan artificial, kekayaan yang tidak boleh diwarisi - inilah yang dimiliki oleh bumiputera sekarang.

Ruang niaga misalnya, yang dikatakan 2 juta kaki persegi dibentangkan sendiri, diperuntukkan kepada bumiputera 76%, sekarang tinggal berapa? Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, tolong terangkan daripada 76% yang diperuntukkan kepada bumiputera, tinggal berapa yang bumiputera jalankan perniagaan itu sekarang ini.

Kemudian kita lihat UDA membuat bangunan dan memperuntukkan ruang niaga di Bukit Bintang, adakah dikaji Bukit Bintang itu adakah kawasan yang bumiputera selalu pergi? Bumiputera selalunya bila datang melawat Kuala Lumpur atau berjalan-jalan di Kuala Lumpur, mereka pergi ke Chow Kit Road, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kampung Bahru, Datok Keramat - ini area yang mereka selalu pergi, mereka jarang pergi ke Bukit Bintang, melainkan kaki kelab malam, ataupun orang yang membuat hiburan di sana, tetapi bagi bumiputera kebanyakan, kawasan yang mereka selalu pergi ialah kawasan strategik ini yang disebut Jalan Raja Bot, Kampung Bahru, Datok Keramat, Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Kenapa pihak UDA tidak membangunkan pembangunan untuk bumiputera di kawasan-kawasan seperti ini tetapi dibangunkan di kawasan Bukit Bintang. Macam mana hendak menjual barang di situ kalau tidak ada orang yang membeli. Sudah tentulah sedikit sebanyak perasaan untuk membeli dan membantu kedai

bumiputera datang daripada bumiputera, tetapi kalau ianya di Bukit Bintang, bagaimana mereka hendak pergi ke situ. Yang saya lihat kekal di Bukit Bintang ialah kedai mamak yang menjual kepala ikan, yang lain-lain itu kita lihat bungkus satu demi satu. Soalan ini serius iaitu berapa daripada 76% yang disebut tadi, lebih daripada 2 juta kaki persegi itu tinggal berapa yang dimiliki oleh bumiputera sekarang ini?

Kemudian, disebut di sini bahawa UDA mencapai keuntungan. Kalau mencapai keuntungan apa perlu diswastakan? Kenapa tidak terus bimbing bumiputera, bila hendak dikorporatkan disebut di sini akan bertanding dalam pasaran bebas dengan pemaju-pemaju yang lain. Bila bertanding di pasaran bebas, sudah tentu kita tidak dapat menghadkan harga rumah ataupun tempat kediaman ataupun ruang niaga, kita terpaksa menyewa mengikut kadar pasaran. Kalau sekarang UDA boleh menyewa di bawah kadar pasaran, kerana ianya dibantu oleh kerajaan, sekarang ini bila ia pergi ke pasaran terbuka, maka kedai-kedai atau rumah-rumah ruang niaga terpaksa disewa mengikut kadar pasaran, maka sudah tentulah bumiputera semakin tidak mampu untuk menyewa tempat tersebut. Kenapa kerajaan berfikir begini sekarang? Saya pun tidak faham komitmen mereka untuk membela Melayu hanya dilaungkan di kampung-kampung, pada hakikatnya mereka telah lari langsung, mereka tidak bertanggungjawab lagi kepada bumiputera.

Inilah kita lihat sekarang ini keluhan daripada berbagai pihak kerana komitmen kerajaan untuk membantu bumiputera sudah pun berkurang daripada Akta Pendidikan yang dikemukakan, hendak diperniagakan pelajaran, sedangkan kita tahu kedudukan orang Melayu, kedudukan bumiputera masih tertinggal jauh dan tidak mampu berada dalam pasaran terbuka tetapi kerajaan makin pergi ke pasaran

terbuka sehingga mereka tidak ada komitmen lagi untuk mempertahankan hak-hak yang diletakkan oleh mereka sendiri 25 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat keluhan peniaga-peniaga di Jalan Raja Bot di mana kawasan mereka akan diambil oleh UDA dan akan dibangunkan bangunan baru. Mereka di situ kebanyakannya peniaga-peniaga kraf-tangan dan juga peniaga-peniaga kedai makan. Kita akui kedai-kedai mereka tidak teratur sekarang, tetapi apakah jaminan UDA bila bangunan didirikan di lot 2347 di Jalan Raja Bot nanti, mereka yang berniaga di sekitar itu sekarang akan mendapat peluang untuk berniaga di bangunan tersebut. Kalau tidak ada jaminan, maka ianya menyebabkan UDA yang dianggap boleh menyelamatkan bumiputera, akhirnya mereka menjadi agen untuk menghalau bumiputera daripada dalam bandar sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak sekarang ini komitmen-komitmen kerajaan semakin merbahaya. Sekarang dalam masa yang singkat, kita boleh lihat kemajuan sementara, tetapi dalam jangka masa yang panjang, bila dalam ekonomi tidak seimbang, orang-orang bumiputera, orang Melayu semakin tercicir hasil daripada lalainya pemimpin negara, maka boleh berlaku peristiwa-peristiwa yang buruk pada masa yang akan datang. Inilah yang perlu direnung dengan sebaik-baiknya oleh pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, tadi diberi jaminan oleh Timbalan Menteri bahawa syarikat ini nanti, ataupun persyarikatan UDA ini, kerajaan ada kuasa di atasnya, kerajaan akan menjamin harga-harga tidak naik dengan begitu mendadak. Memang kerajaan selalu menjamin, bila Lebuhraya Utara-Selatan dijalankan secara swasta, kerajaan jamin bahawa tol tidak akan naik begitu mudah. Siapapun boleh jamin, sebab bila ia diuruskan dalam bentuk

perniagaan, sudah tentu keuntungan menjadi matlamat, sedangkan UDA sekarang ini keuntungan - satu, tetapi khidmat sosialnya yang lebih penting. Soal untung perkara kedua, bila sudah menjadi persyarikatan, untung menjadi utama, mana kerajaan boleh jamin bahawa harga-harga bangunan, harga-harga rumah tidak akan dinaikkan. Boleh buat jaminan untuk sedap Ahli-ahli Parlimen dengar untuk dicatat dalam *Hansard*, tetapi yang sebenarnya, bila di persyarikatkan nanti, kerajaan tidak ada power seperti kita lihat, TEN hendak naikkan harga, Telekom hendak naikkan harga, PLUS hendak naikkan harga - mana kerajaan boleh kawal? Sebab dia pergi dalam bentuk perniagaan. Sebab itu jaminan itu hanya jaminan untuk menyeronokkan kami atau untuk menyeronokkan Wakil Rakyat untuk bersyarah di kampung - kerajaan jamin harga bangunan tidak akan naik, sedangkan pada masa yang sama persaingan secara bebas dengan pihak swasta yang lain diizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dengan pindaan Akta ini saya nampak bahawa kerajaan pimpinan UMNO telah hilang komitmen untuk membimbing bumiputera dan mereka sekarang sedang menggadai prinsip kerana politik wang telah melanda mereka. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

4.48 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada satu lagi rang undang-undang dan juga ada satu usul, maka ada 3 perkara yang kena-mengena dengan rang undang-undang ini, saya akan pendekkan ucapan saya untuk masa ini. Nampaknya, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun senyum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun pernah berbual dengan Pengerusi UDA, Yang Berhormat dari Larut, mengenai prestasi UDA. Tetapi pada Yang Berhormat Larut, memang semuanya cantik, semuanya indah, semuanya bagus, tidak ada yang cacat cela, tidak ada langsung.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya mencadangkan dengan niat untuk mengubah sedikit struktur UDA, mungkin, walaupun Yang Berhormat dari Labuan kata tidak akan diswastakan, mungkin inilah langkah pertama untuk diswastakan - besar kemungkinan. Walau bagaimanapun, saya mencadangkan supaya UDA apabila disyarikatkan kelak akan mewujudkan satu sistem yang lebih telus untuk membayangkan keadaan yang sebenarnya.

Pada tahun 1994, perbadanan dan syarikat-syarikat subsidiarinya telah melaksanakan 68 projek di seluruh negara dengan anggaran kos sebanyak RM1,220.58 juta berbanding dengan tahun 1993, 26 projek dan kos yang dianggarkan berjumlah RM747.36 juta.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali, walaupun ada laporan yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi ia tidak membayangkan keadaan yang sebenar. Memang saya setuju, ada, misalnya, Pertama Enterprise Sdn. Bhd. memang untung besar, lebih RM2 juta, RM2,285,251, memang baik. Ada keuntungan, baik, tetapi ada yang rugi, misalnya Daya Urus Sdn. Bhd., rugi RM637,665. Saya tahu, saya sedar, bila kita berniaga, bila kita membuat projek, ada yang untung, ada yang rugi tetapi pertanyaan saya yang pokok di sininya, daripada 68 projek pada tahun 1994 dan 26 projek pada tahun 1993, berapa projek dapat keuntungan kejayaan yang besar?

Kita hendak tahu sebab tidak pernah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini. Semua projek yang dilaksanakan oleh

UDA, berapa peratusan yang benar-benar mencapai objektif. Ketiga-tiga objektif yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, daripada objektif itu, saya pun tidak tahulah, setakat mana prestasinya? Dan yang keduanya, daripada bilangan projek yang saya sebutkan itu dan sebelum ini dalam tempoh 25 tahun ini, berapa peratus kejayaannya? Berapa peratus keuntungan dan berapa peratus kerugian? Ini yang penting. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak begitu minat tetapi ini perkara yang penting (*kepada Y.B. Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz yang meninggalkan Dewan*) (Ketawa).

Ini Perkara yang penting kerana kita tidak ada angka, tetapi kalau kita berbincang dengan orang-orang yang terlibat dengan UDA, ada yang mengatakan kebanyakan projek itu tidak begitu berjaya memandangkan sokongan yang didapati daripada kerajaan. Saya pun tidak tahu dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan soalan-soalan pokok saya tadi. Memang ada disebutkan - tidak begitu efisien kerana kakitangan mempunyai tarikan yang lebih di sektor yang lain, syarikat-syarikat trans-nasional menarik kakitangannya yang lebih 1,900 terutamanya 900 kakitangan yang mempunyai kepakaran pengurusan mungkin tertarik kepada sektor yang lain.

Walaupun bagaimanapun, selain daripada kekangan yang wujud kerana ini badan kerajaan dan gaji dan emolumennya mungkin tidak begitu lumayan, selain daripada faktor ini, saya tidak tahu adakah faktor-faktor yang lain yang menyebabkan projek-projek UDA yang tidak begitu berjaya memandangkan sokongan yang kuat daripada kerajaan. Kalau syarikat yang lain mendapat sokongan yang sedemikian, saya percaya kejayaan itu adalah cemerlang.

Walaupun laporan Yang Berhormat dari.....(*bertanya sesuatu kepada Y.B. Tuan Liew Ah Kim*) bukan Labuan...pengerusi...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Larut ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Larut, larut, terlalu larutlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Terlupa ya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terlalu larut, laporan..larut malam! (*Menghalakan pandangan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan*) Walaupun laporan itu memang cantik....

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada peraturan mesyuarat yang dibangkitkan. Yang Berhormat dari Jerantut, yang keberapa?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** 31(1), dia pandang muka Ahli Yang Berhormat dari Larut. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat dari Kepong diingatkan menghala kepada saya, bukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang menghala kepada Yang Berhormat.....yang kacak dan sebagainya tetapi dari masa ke semasa kita memang pandang keseluruhan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Larut berusaha juga tetapi pada pendapat saya tidak begitu mencukupi kerana tidak begitu telus dan saya mencadangkan supaya ketelusan itu

diadakan walaupun bentuk akan ditukarkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam laporan juga saya tidak nampak syarikat-syarikat subsidiari yang disebutkannya, cuma saya kata ada 26 syarikat subsidiari yang disebutkan termasuk kompleks-kompleks yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Udapec Sdn. Bhd., Pertama Complex, Perdana Management Sdn. Bhd., Capital Square Sdn. Bhd. dan sebagainya. Memang 26 sahaja yang disebutkan di sini. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sebutkan bilangan syarikat, tidak payah sebutkan nama semua, cuma bilangan syarikat subsidiari yang dimiliki oleh UDA untuk diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat mengetahui mengapa kejayaan itu tidak begitu baik bagi UDA.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin wujudnya pembaziran di dalam UDA. Wujud pembaziran yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994 untung terkumpul pada akhir tahun iaitu 31hb Disember 1994 bagi kumpulan ialah RM260,460,211. Jadi, lebih RM260 juta berbanding dengan tahun 1993 yang lebih RM178 juta. Bagi perbadanan pula, keuntungan terkumpul ialah RM233,285,559 berbanding dengan RM176,310,373 untuk tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya seronok juga, daripada setahun ke setahun, keuntungan terkumpul itu bertambah, tetapi ini tidak menceritakan keadaan yang sebenarnya kerana di dalam perakaunan, memang kita boleh tunjukkan yang cantik dan yang kurang cantik itu boleh simpan di bawah dan sebagainya. Ini memang cara perakaunan. Saya setuju, pihak Ketua Audit pun ada mengesahkan akaun itu betul. Tetapi tidak semestinya membayangkan keadaan sebenar. Tidak semestinya.

Misalnya, dari segi pinjaman dari kerajaan. Saya nampak kerajaan telah memberi pinjaman. Misalnya, pada tahun 1992, sebanyak RM160,500,000; pada tahun 1993 sebanyak RM35,500; yang diterima pada tahun 1992 ialah sebanyak RM84,000,100; untuk tahun 1993, yang diterima ialah sebanyak RM11,000,128 dan jumlah untuk tahun 1992 dan 1993 adalah sebanyak RM95,000,228.

Kalau keuntungan yang begitu baik, mengapa tidak dapat bayar balik kepada kerajaan? Itu soalan yang pokok. Wah, kita untung lebih RM260 juta, tetapi pinjam lebih RM95 juta, tidak dapat bayar balik. Saya pun bingung binti hairan juga! Apa masalahnya? Tidak dapat bayar balik? Biasanya kalau kita untung dengan begitu banyak, kita boleh bayar balik dengan senang sahaja!

Memang tidak senyum lagilah Larut sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia tak senyum, apa hubung kaitnya? *(Ketawa)*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang dia Pengerusi!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi, bukan dia yang akan jawab!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh ya, memang Timbalan Menteri, dia hendak jawab. Walau bagaimanapun, bolehkah jawab, dengan untung yang begitu banyak, lebih RM260 juta, tetapi pinjaman tidak dapat dibayar balik kepada kerajaan sehingga pihak kerajaan terpaksa reschedule atau menyusun semula. Kerajaan memang reschedule untuk tahun 1992 dan juga sehingga 1994. Bayaran balik itu RM15 juta setahun dan kemudian RM25 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang menunjukkan ada benda-benda yang tidak betul yang ada udang di sebalik batu dan sebagainya. Memang ada! Kalau tidak, tak payah kita reschedule pinjaman. Tak payah kita reschedule.

Tuan Yang di-Pertua, tambah pula, ada grant daripada kerajaan. Misalnya ada grant untuk tahun 1992 - khidmat perunding sebanyak RM3 juta pada tahun 1994. Untuk Sinar Kota, grant sebanyak RM6,600,000 dan JKR.26 sebanyak RM3,700,000 dan JKR.26 lagi untuk RM2,000,300 dan jumlah grantnya hampir RM16 juta.

Ada grant daripada pihak syarikat dan kalau sudah disyarikatkan kelak, tidak dapat grant lagi. Tak dapat dah. Kita berharap pihak UDA yang disyarikatkan itu boleh jadi lebih efisien seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, hendak jadi lebih efisien.

Tetapi apabila disyarikatkan kelak, apakah akan terjadi dengan pinjaman yang telah pun disusun semula atau direschedule? Apa akan terjadi?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada dua lagi, satu usul dan satu rang undang-undang lagi, saya simpankan untuk peringkat yang seterusnya. Saya cuma hendak tekankan di sini bahawa yang pertama, perbadanan mestilah lebih telus untuk memaparkan prestasinya, termasuk butir-butir mengenai bilangan syarikat subsidiari, keuntungan dan kerugian kerana saya setuju ada yang untung dan ada yang rugi, memang ada. Cuma kita hendak tahu, adakah pembaziran? Kita harap, dengan disyarikatkan kelak, tidak ada pembaziran lagi.

Yang kedua, semua projek yang telah saya sebutkan tadi, bilangan yang dijayakan dan bilangan yang gagal tidak dapat dijayakan mengikut jadualnya.

Akhir sekali, mengenai keupayaan UDA untuk membayar balik semua pinjaman.

Itu sahajalah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

5.07 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian pada petang ini.

Untuk soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebenarnya, keuntungan UDA adalah melalui kegiatan operasi UDA dan anak-anak syarikatnya dan jumlah pinjaman yang diterima oleh UDA sehingga 1995 ialah sebanyak RM1,313.13 juta. Jumlah yang telah dibayar balik setakat Disember 1995 ialah sebanyak RM929.14 juta.

Untuk soalan mengapakah UDA masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kerajaan, sebenarnya, setakat Disember 1995, prestasi bayaran balik pinjaman UDA adalah baik kerana mengikut jadual dan tidak ada tunggakan sehingga kini.

**Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah ini bermakna semua rescheduling sudah dibubarkan atau dimansuhkan sama sekali kerana sekarang ini prestasi sudah bertambah baik, kita tak payah reschedule lagi dan kita boleh bayar semuanya?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Mengikut rescheduling itulah selepas difikirkan tentang kewangan UDA, selepas rescheduling keadaan telah pulang kepada normal. UDA tidak ada membuat pinjaman daripada institusi kewangan swasta sungguhpun UDA ada kemudahan untuk membuat pinjaman. Jadi, tidak timbul soal UDA memberi priority kepada bayaran balik daripada institusi swasta yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi.

Untuk Net Tangible Assets (NTA), pada akhir tahun 1995, ialah RM532.83 juta berbanding pada tahun 1994 yang hanya RM362.07 juta. Juga, soalan dari Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi berhubung dengan return on gross asset. Return on gross asset pada akhir 1995 ialah 11.8% berbanding dengan 7.31% pada 1994, setahun sebelum daripada itu. Jadi, ini merupakan peningkatan lebih 3%.

Daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau pula, saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan-cadangan yang telah diberi yang mana sebagaimana yang telah dikatakan bahawa matlamat UDA tidak berubah selepas pensyarikatan. Berhubung dengan soalan tentang ukuran yang boleh digunakan, kita boleh mengukur penempatan bumiputera di kompleks-kompleks perniagaan yang dimajukan sebagai garis ukur. Antara garis ukur lain yang boleh digunakan ialah penjualan hartanah yang dibangunkan kepada kumpulan sasaran dan lainnya ialah usahawan bumiputera yang dapat dibantu menerusi pelaksanaan projek sama ada perunding, pemborong, pembekal, vendor dan juga dalam aspek usahawan hartanah. Satu lagi cara garis ukur ialah dengan menilai prestasi kewangan UDA itu sendiri. Melihat prestasi untung ruginya pada tiap-tiap tahun, aset yang dapat dikumpulkan dan juga petunjuk-petunjuk kewangan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh UDA sendiri.

Tentang pengawalan dari segi kedudukan kewangan UDA, sebenarnya sejak mula ditubuhkan, akaun UDA diaudit oleh juruaudit swasta sehingga tahun kewangan 1976. Sejak tahun 1977, akaun UDA diaudit oleh juruaudit kerajaan. Kerja-kerja auditan adalah up-to-date dan UDA diberi Clean Audit Certificate (Sijil Audit Bersih) bagi tahun-tahun berturut-turut daripada 1992 sehingga tahun 1994.

Berkenaan dengan penglibatan UDA dalam peringkat makro oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, UDA harap ia akan dapat bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan dan untuk memastikan yang kerjasama di peringkat makro akan dapat dijalankan dari semasa ke semasa.

Tentang pencapaian UDA, ada di antaranya yang telah saya sebutkan tadi, iaitu pembangunan bandar baru ada 10 kesemuanya yang melibatkan kos lebih RM6 bilion, pembangunan semula bandar hartanah RM53 juta, pembangunan tanah bumiputera UKP RM46 juta, projek JKP Pulau Pinang RM43 juta dan banyak lagi menyediakan premis sebanyak 14,089 unit rumah kediaman, 2,813 unit ruang perniagaan, 3 buah bangunan pasar moden, satu buah penjara baru di Sungai Buluh dan aset UDA masa kini 1 juta kaki persegi untuk ruang niaga siap, untuk ruang niaga dalam pembinaan 1.8 juta kaki persegi, untuk ruang perniagaan siap 1,892 unit kesemuanya rumah kedai dalam pembinaan, 154 untuk tahun 1995 dan 543 unit rumah kedai dalam perancangan mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh, dan seterusnya yang banyak yang telah saya laporkan semasa saya membuat pembentangan tadi.

Mengenai soalan dari Yang Berhormat dari Balik Pulau mengenai sejauh mana UDA telah mencapai matlamatnya dan sebenarnya UDA di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan insya-Allah dari semasa ke semasa kerja-kerja UDA

dan pencapaian UDA akan diteliti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Seterusnya untuk soalan dari Yang Berhormat dari Labuan, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana ada beberapa cadangan yang konstruktif yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Labuan yang akan diambil kira oleh UDA dalam menentukan kerja-kerjanya yang akan dijalankan oleh UDA dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan persoalan tentang peniaga bumiputera yang tidak dapat mempertahankan harta-harta yang dijual kepada mereka, UDA sebenarnya tidak dapat mengawal harta yang telah dijual terutamanya harta hak milik bebas. Selepas keseluruhan harga dijelaskan, UDA tidak dapat lagi mengawal harta-harta tersebut tetapi untuk di negeri Johor, UDA ada menggazetkan harta yang dijual sebagai lot bumiputera yang tidak boleh dijual semula tanpa keizinan. Ini hanya dilakukan di negeri Johor dan jika mendapat kerjasama dari kerajaan-kerajaan negeri yang lain, mungkin pada masa yang akan datang UDA juga boleh membuat gazetan yang sama.

Untuk kompleks perniagaan UDA yang menempatkan bumiputera sebagaimana di BB Plaza, bilangan penyewa keseluruhannya ialah 153 dan sebenarnya bumiputera kekal di peringkat 60.7% iaitu sebanyak 93 diduduki oleh bumiputera dan bukan bumiputera hanya 60%. Di Lot 10 dan juga Sungai Wang Plaza, UDA tidak mempunyai kawalan kerana ia adalah milik swasta. UDA cuma berupaya mengawal penyertaan bumiputera dalam kompleks perniagaan miliknya dan kompleks milik swasta adalah di luar kemampuan UDA dan memang benar sepertimana yang dikatakan, daripada kajian yang telah dijalankan oleh UDA hanya 5% sahaja daripada ruang-ruang niaga di kompleks di Lembah Kelang diduduki oleh kaum bumiputera.

Berkenaan dengan cadangan supaya meluaskan aktiviti UDA di Malaysia Timur, perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk mengenal pasti projek-projek hartanah yang boleh dimajukan secara usaha sama ataupun oleh UDA sendiri, telah dan sedang dijalankan oleh UDA dan UDA akan dari semasa ke semasa ingin mempertingkatkan peranan UDA di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian pula ada beberapa telahan yang telah dibuat tadi di mana berkenaan dengan ruang niaga UDA yang telah disewakan, sebagaimana yang saya katakan tadi di peringkat 76% adakah masih lagi di tangan bumiputera? Jawapannya memang benar. Daripada 76% yang telah dikatakan tadi, daripada ruang niaga yang berjumlah 2 juta kaki persegi di bawah UDA, masih lagi disewakan kepada bumiputera. Kedudukan ini masih kekal dan tidak ada perubahan.

Berkenaan dengan telahan yang mengatakan UDA hanya memberi tumpuan kepada kawasan Bukit Bintang dan tidak di kawasan-kawasan lain, ini adalah tidak benar kerana di samping Bukit Bintang, UDA juga menjalankan aktiviti di Kompleks Pertama, di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan lain-lain kawasan.

Masalah penyertaan bumiputera ketara sekali di kawasan Bukit Bintang dan dengan penyertaan UDA ia dapat mengurangkan jurang perbezaan tersebut. Ini adalah sejajar dengan matlamat penyusunan semula masyarakat yang hendak diutarakan oleh UDA.

Keuntungan daripada projek-projek seperti di BB Plaza ini, iaitu di kawasan Bukit Bintang dapat menjadi gross subsidy untuk UDA melaksanakan projek-projek sosial yang lain.

Berkenaan dengan projek di Lot 2347 Jalan Raja Bot, Chow Kit, sebenarnya projek ini sedang dibangunkan oleh UDA dan peniaga-peniaga yang terlibat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk berniaga dalam kompleks yang akan dibina kelak - insya-Allah.

Seterusnya Yang Berhormat dari Kepong, persoalannya kalau UDA banyak buat untung kenapa tidak bayar balik pinjaman kerajaan? Sepertimana telah saya katakan tadi bayaran balik pinjaman kerajaan adalah mengikut jadual dan tidak ada tunggakan. Dalam tahun 1988 UDA ada membuat bayaran balik sebanyak RM443.03 juta apabila UDA menjual bangunan Dayabumi, ini lump-sum kita bayar kepada kerajaan sebanyak RM443 juta dan sebanyak RM230.915 juta dibayar dalam tahun 1995 apabila UDA menjual Peremba Berhad. Sebenarnya UDA telah membayar melebihi daripada apa yang sepatutnya dibayar mengikut jadual.

Berkenaan geran untuk UDA. Sebenarnya UDA tidak pernah menerima geran sepenuhnya untuk perbelanjaan pentadbirannya dan juga revolving fund untuk membuat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau tidak saya nampak dari Laporan Audit ini geran itu ada. Tiap-tiap tahun ada menerima geran. Kalau tidak payah membayar geran, mengapa masih ada catatan di dalam Audit?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Audit tahun berapa itu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya!

**Tuan Idris bin Jusoh:** Ataupun Yang Berhormat kurang faham tentang Laporan Audit?



**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana ini Laporan Audit 1994 di sini!

**Tuan Idris bin Jusoh:** Sebab kita lebih faham, kita tidak ada guna geran, yang kita dapat itu adalah pinjaman dan kita bayar dengan baik.

Berhubung dengan revolving fund untuk membantu bumiputera land owners membangunkan tanah mereka, sebanyak RM6 juta telah dibelanjakan untuk Bangunan Sinar Kota - ini telah digunakan. Itulah di antara jawapan-jawapan yang saya hendak kemukakan dan berhubung dengan laporan tadi, sebenarnya mengikut apa yang telah dikatakan tadi UDA memang mempunyai clean bill of certificate, yang mana dalam Laporan Tahunan UDA 1994 cuba kita lihat, yang mana Laporan Penyata Kewangan UDA jelas menunjukkan yang UDA di samping dapat keuntungan dan UDA juga telah dapat menjayakan kerja-kerjanya dengan baik....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu apa jaminan program-program yang sedang dirancang oleh UDA sekarang akan diteruskan selepas disyarikatkan atau persyarikatan UDA? Sebab ada rungutan dari pegawai-pegawai UDA mengatakan bahawa sudah ada satu pelan induk baru yang akan dibuat iaitu tidak langsung atau tidak mengambil kira pelan yang telah dikemukakan oleh UDA begitu lama, terutama dalam bidang sosial iaitu untuk bumiputera dengan mengambil kira keuntungan perkara yang kedua yang minima. Apakah jaminan bila jadi persyarikatan UDA nanti segala yang

telah diprogramkan oleh Lembaga Pengarah UDA dahulu akan diturut dan jaminan sosial itu akan dikekalkan oleh orang-orang yang akan dilantik duduk dalam persyarikatan UDA nanti?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Memang telah saya katakan tadi, matlamat UDA tidak akan berubah walaupun diswastakan dan UDA diswastakan kerana kita lihat supaya ianya dapat berjalan dengan lebih efisien lagi supaya harta UDA akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya supaya pergantungan kepada kerajaan akan dapat dikurangkan. Sebab itu selepas persyarikatan nanti, kita jangka UDA akan dapat memainkan peranan lebih baik lagi dan Kementerian Pembangunan Usahawan akan memastikan yang matlamat-matlamat itu akan dapat disempurnakan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

*Fasal 1 hingga 5* diintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBADANAN PEMBANGUNAN  
BANDAR (SYARIKAT  
PENGANTI) 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.27 ptg.

**Tuan Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletahakkan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar dalam suatu syarikat, untuk membuat pengaturan kewangan bagi syarikat itu, untuk memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

Izinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perletahakkan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar kepada suatu syarikat pengganti untuk membuat peraturan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum rang undang-undang ini dibahaskan sukalah saya menegaskan bahawa syarikat baru yang ditubuhkan menggantikan UDA akan meneruskan peranannya sebagai syarikat pembangunan bandar yang lebih cekap dalam usaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam kegiatan perniagaan dan ekonomi bandar.

Peranan UDA dalam bidang pembangunan usahawan akan terus dipertingkatkan khususnya dengan memperluaskan penglibatan usahawan bumiputera dalam projek pembinaan menerusi program-program vendor, pembekalan bahan-bahan binaan dan

kontraktor bumiputera berwibawa. UDA juga akan melaksanakan program menggalakkan usahawan dalam bidang peruncitan untuk berniaga di kompleks membeli-belah yang dibina.

Sukalah saya menegaskan bahawa persyarikatan UDA tidak akan menjejaskan objektif dan dasar-dasar kerajaan. Dasar dan matlamat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat menerusi pembangunan bandar akan diteruskan oleh UDA menerusi entitinya yang baru. Ini termasuklah pemasaran, pengagihan premis yang dibina dan pemberian diskaun kepada pembeli serta penyewa bumiputera. Khidmat perundingan untuk memajukan tanah bumiputera dan pemberian kerja-kerja kontrak dalam pemborong dan profesional bumiputera juga akan diteruskan oleh UDA.

Walaupun UDA telah disyarikatkan sebagai syarikat milik kerajaan, ahli-ahli lembaga pengarah syarikat akan sentiasa mengawasi dan memastikan program dan aktiviti syarikat sentiasa mengambil kira kepentingan bumiputera.

Adalah diharapkan dengan mensyarikatkan UDA, syarikat pengganti akan menjadi lebih efisien, pelaksanaan projek menerusi entiti korporat, proses kerja, sistem dan prosedur dijangka dapat memperkukuhkan keupayaan bersaing.

Persyarikatan UDA juga dapat memanfaatkan harta untuk memperolehi sumber pembiayaan pembangunan dan dengan ini dapat mengurangkan pergantungan kepada sumber-sumber kewangan kerajaan.

Dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakan harta hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar dalam satu syarikat untuk membuat peraturan kewangan bagi syarikat itu untuk memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Cheras.

5.33 ptg.

**Tuan Tan Kok Wai (Cheras):** Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati ada beberapa perkara timbul apabila kerajaan mengambil langkah untuk membubarkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan dikorporasikan di bawah syarikat pengganti seperti yang diterangkan dalam kedua-dua rang undang-undang berkaitan pembubaran dan syarikat pengganti.

Satu fakta yang tidak boleh disangkal ialah syarikat pengganti UDA akan mengorak langkah menjadi sebuah syarikat gergasi pembangunan bandar dan pemaju perumahan. Untuk memastikan ia berupaya membuat keuntungan, syarikat tersebut sudah pasti akan melakukan sesuatu yang tidak atau kurang mampu dilakukan oleh pemaju kecil.

Pemaju-pemaju lain akan menerima kesan persaingan dengan syarikat pengganti UDA. Mampukah mereka menyaingi syarikat pengganti UDA adalah terlalu awal untuk diramalkan. Tetapi apa yang berlaku ialah syarikat pengganti akan bertindak macam UDA sebelumnya. Mereka meminta jasa baik kerajaan untuk menguasai sesebuah bidang tanah yang strategik dalam bandar dan luar bandar menerusi Akta Pengambilan Tanah.

Untuk ini, syarikat pengganti wajar membayar pampasan nilai tanah

berdasarkan pasaran semasa harta tanah dan bukannya kadar nilai yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini membolehkan pemiliknya mendapat pampasan yang baik, yang boleh digunakan untuk membeli harta lain.

Selama ini, pemilik tanah menjadi mangsa apabila pampasan dibayar terlalu kurang dan pemilik tidak berupaya memulihkan penghidupan baru mereka dengan sempurna. Setelah tanah diambil oleh UDA selama ini, pemilik-pemilik asal menanggung kesengsaraan dalam hidup kerana tidak mampu memulihkan atau memulakan perniagaan baru. Di Kuala Lumpur banyak contoh pengambilan tanah oleh UDA berakhir dengan mengorbankan pemilik-pemilik asal.

Oleh itu, adalah penting syarikat pengganti UDA mengubah dasar mereka pada masa depan dengan membayar pampasan tanah menurut kadar pasaran semasa ataupun menggantikan mereka dengan tanah lain yang sesuai dan strategik. Ataupun mengambil langkah memberikan peluang perniagaan atau ekuiti pegangan dalam harta tanah yang hendak dibangunkan. Penyusunan semula masyarakat yang menjadi salah satu objektif UDA tidak dapat dicapai jika tindakan mereka menyusahkan atau mengorbankan hak orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin menggesa syarikat pengganti supaya memastikan langkah-langkah berikut diambil agar ianya tidak lari dari objektif asal UDA ditubuhkan.

Yang pertama, syarikat pengganti UDA patut meningkatkan penglibatan semua kaum dalam projek-projek mereka dan bukan tertumpu kepada satu-satu kaum sahaja. Misalnya, menurut Laporan UDA tahun 1991 mencatatkan prestasi jualan unit kediaman dari 2,821 unit hanya 15% diberikan kepada bukan bumiputera dan begitu juga ruang perniagaan dari 79 unit

hanya 26% diberikan kepada bukan bumiputera.

Manakala prestasi penyewaan pula, dari 1,685 unit hanya 36% diuntukkan kepada bukan bumiputera. Apakah ini menunjukkan UDA melakukan pilih kasih dalam sesuatu projek?

Kedua, syarikat pengganti UDA hendaklah membayar pampasan harta kepada bekas-bekas pemilik menurut kadar pasaran semasa supaya mereka boleh membeli harta lain dan memulakan hidup baru dengan sempurna.

Ketiga, kerajaan hendaklah menarik balik keistimewaan yang selama ini diberikan kepada UDA seperti hak pengambilan tanah menurut Akta Pengambilan Tanah. Syarikat pengganti ini patutlah dibiarkan bersaing dengan pemaju-pemaju swasta yang lain kerana dengan ini pemaju-pemaju lain tidak menerima kesan dari pengkorporatan UDA.

Keempat, syarikat pengganti harus mengambil langkah menjadi pemaju perumahan kos rendah dan sederhana yang berupaya menampung masalah kekurangan rumah yang dihadapi oleh penduduk Malaysia.

Pengkorporatan UDA harus menjadi titik tolak pengemblengan pembinaan raksasa rumah-rumah kos rendah dan sederhana yang bermutu dan mampu dibeli oleh rakyat yang masih belum mempunyai rumah.

Kelima, syarikat pengganti UDA hendaklah membuka lebih banyak bandar-bandar baru yang dihuni secara adil oleh pelbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menyemak buku Laporan Tahunan UDA 1994 didapati adalah satu objektif penubuhan UDA ialah untuk memaju dan

melaksanakan projek-projek di kawasan pembangunan bandar termasuk perumahan awam, kemudahan rekreasi dan masyarakat di samping menyediakan peluang-peluang dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, perumahan dan lain-lain kegiatan supaya dapat dibahagi-bahagikan antara pelbagai kaum di negara ini.

Adalah mendukacitakan seperti dalam buku laporan itu, pihak UDA hanya berjaya menyiapkan 1,576 unit rumah dalam tahun 1994 dan daripada jumlah itu hanya 11.1% merupakan rumah kos rendah yang dapat disediakan. Walaupun UDA berjaya mencatat perolehan kumpulan serta sebanyak RM282.63 juta dalam tahun 1994.

Ia sepatutnya mampu berbuat lebih dari itu. Ini menunjukkan prestasi UDA dalam membantu rakyat menyediakan perumahan awam khususnya perumahan kos rendah belum memuaskan.

Saya ingin bertanya mengapakah UDA melibatkan diri juga dalam pembangunan dan pengurusan kelab padang golf seperti yang dilakukan oleh anak-anak syarikatnya seperti Penang Golf Resort Sdn. Berhad, Bertam Golf Management Services Sdn. Berhad dan Mutiara Golf Property Sdn. Berhad, mengapakah ia lebih peka untuk membina padang golf daripada melibatkan diri dalam pembangunan perumahan awam?

Mengapakah UDA mesti menyimpang dari tujuan asalnya untuk membangunkan bandar, menyusun semula masyarakat dan membantu golongan yang kurang bernasib baik dalam arus pembangunan negara?

Saya bimbang juga jika sebelum pengkorporatan UDA, sudah menunjukkan tiada penumpuan untuk pembinaan perumahan awam secara lebih besar, bagaimana pula setelah UDA dikorporatkan, pihak pengurusan UDA

akan lebih mengutamakan keuntungan, maka tidak mustahil syarikat pengganti UDA ini akan tidak meletakkan keperluan pembinaan rumah-rumah awam yang kian mendesak sekarang kerana projek ini kurang menguntungkan berbanding dengan projek raksasa yang lain.

Oleh itu UDA perlu kembali kepada semangat semasa ia mula ditubuhkan pada tahun 1991, iaitu meletakkan sasaran untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dan bukan mengambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegur UDA kerana lebih berminat juga mengambil tanah-tanah dan bangunan dalam bandar-bandar yang sedia ada dan ianya lebih suka mengambil tanah menerusi Akta Pengambilan Tanah dengan tujuan untuk menjalankan projek perbandaran semula, sedangkan bandar-bandar tersebut sudah lama maju. Tindakan mereka tidak ubah macam perbuatan penjajah. Mereka mengambil tanah golongan rakyat dan peniaga di kawasan-kawasan bandar dan kehidupan para peniaga terjejas dan saya harap keadaan ini boleh diubah dengan mengambil kira mereka yang menderita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yan.

5.42 ptg.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kehendak dan hasrat kerajaan untuk mensyarikatkan UDA menjadi sebuah syarikat yang bergerak di bawah Akta Syarikat dan kalau kita baca, nama pun sedap - UDA Holding Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat kita nafikan UDA sedikit sebanyak telah membangunkan masyarakat peniaga Melayu di dalam bandar-bandar besar.

Walaupun mereka kadang-kadang menghadapi constraint dari segi kewangan dan sebagainya, tetapi, mereka telah berjaya dan dengan mensyarikatkan UDA saya percaya mereka akan dapat bergerak dengan lebih bebas dengan fokus ke arah mencapai matlamat terpenting daripada mencapai keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya UDA diwujudkan adalah untuk melihat kaum bumiputera dapat bersama di dalam bidang-bidang perniagaan dan mempunyai harta di dalam kawasan-kawasan yang strategik untuk dijadikan pusat perniagaan. Walaupun UDA men 'diversified' kan aktiviti-aktivitinya seperti mengadakan golf resort dan sebagainya, mungkin ini salah satu daripada cara untuk mengaut keuntungan supaya UDA mempunyai modal yang besar untuk bergerak dengan lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengerusi Uda yang telah dibubarkan dan saya harap beliau tidak akan dibubarkan terus, kerana saya harap syarikat baru ini kalau boleh akan melantik beliau terus menjadi Pengerusi Eksekutif ataupun Pengerusi. Kerana kalau mengikut laporan tahunan UDA, Board dia pun cukup bagus belaka orang-orangnya, Chairmannya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin dari Larut. Jadi, bagi saya orang ini adalah layak tetapi selepas ini kita tengok keuntungan UDA, kalau keuntungan merosot, kita kira lain, kalau keuntungan membanggakan dan menguntungkan maka teruskanlah jawatan beliau.

Bukan saya hendak mengampu dia, tidak. Tidak ada guna saya mengampu bukannya dia belanja saya pun, tetapi, kita terima hakikat semasa beliau memegang Pengerusi UDA banyak yang telah dilakukan, tidak tahulah berapa ramai orang yang mendapat manfaat, tetapi saya tengok dia banyak bekerja dan berusaha.

Saya mengharapkan bahawa Lembaga Pengarah UDA Holding Sdn. Bhd. ini kita kena letak orang-orang yang berpengalaman, yang tidak ada kepentingan diri - ini mustahak. Di dalam kita hendak menjayakan sesuatu organisasi ataupun sesuatu perjuangan, kepentingan diri itu jangan ada. Kalau ada kepentingan diri, maka UDA akan menjadi alat dan ini akan merugikan harapan kerajaan dan rakyat dan kita yang luluskan bil ini akan menanggung dosa sama bila mereka membuat tidak betul. Tetapi saya percaya penuh dengan bekas Pengerusi, kalau dia sambung semula saya tengok dia pun tidak setara mana sangat, hisap rokok pun.....

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tuan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sahabat saya.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Yan tadi kata, kalau UDA buat dosa, kita pun tanggung dosa. Jadi, persoalan atau penjelasan yang saya minta dari Yan ialah adakah Yang Berhormat sanggup menanggung dosa kalau UDA nanti akan mengambil banyak tanah yang dimiliki oleh kaum bumiputera untuk dibangunkan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat bercakap saya kurang faham. Beri 'clear' sedikit!

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Lain kali kalau hendak mendengar orang bertanya janganlah fikiran melayang!

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah Yang Berhormat dari Yan kata, kalau

UDA nanti buat dosa, kita juga nanti kena tanggung dosa. Jadi, penjelasan yang saya ingin dari Yang Berhormat ialah sanggupkah Yang Berhormat menanggung dosa juga kalau UDA akan mengambil banyak tanah yang dimiliki oleh kaum bumiputera kelak?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itu senang sahaja, bang!. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak faham, dia kata ODA, bukan UDA. Jadi, bila Yang Berhormat kata ODA jadi saya 'confused', saya pun terkejut.

Saya belum habis ayat lagi, Yang Berhormat sudah mencelah. Sebab itulah saya kata tadi, biarlah Lembaga Pengarah itu terdiri daripada orang yang tidak ada kepentingan diri. Maknanya, Ahli Lembaga Pengarah, termasuk Pengerusi itu orang yang masuk di situ berkhidmat dengan ikhlas untuk hendak membangunkan UDA setelah kerajaan 'release' UDA menjadi sebuah syarikat, mereka boleh menjalankan perniagaan dan kita harap UDA akan menjalankan perniagaan sejajar dengan kehendak kerajaan dan tidak melibatkan diri dalam perniagaan-perniagaan yang tidak direstui oleh agama kita - jangan berniaga benda-benda yang pelik. Jadi, itu kita tidak mahu, yang ini kita berniaga kerajaan beri modal, kita bubuh Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah bertanggungjawab.

Jadi, kalau Lembaga Pengarah menyeleweng dari dasar dan kehendak kerajaan, insya-Allah, kita dalam Dewan Rakyat ini akan memperbetulkan mereka. Kita akan betulkan mereka balik. Jadi, soal dosa atau tidak dosa ini, kita kena jaga. Dan saya percaya penuh, Lembaga Pengarah yang akan dilantik oleh kerajaan ini dia akan menjalankan tugasnya dengan bertanggungjawab. Saya percaya mereka ingin melihat UDA ini bangun, kerana kalau UDA gagal, maknanya Lembaga Pengarah ini, kerajaan akan menghukumi mereka—kalau mereka menyeleweng dan

sebagainya. Kepong akan bangkit bercakap lebih awal lagi - marah, macam biasalah Kepong ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira dengan mensyarikatkan UDA maka UDA akan dapat menjalankan satu tanggungjawab yang besar dan saya harap Pengerusi dan Lembaga Pengarah UDA ambillah sedikit pandangan saya pada hari ini, iaitu menyelamatkan tanah-tanah simpanan Melayu. Saya sungguh-sungguh amat berharap, kerana dalam ucapan awal saya dahulu semasa Usul Titah Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya telah menyatakan, apabila penjajah meninggalkan tanah air kita ini, tanah simpanan Melayu pada ketika itu lebih kurang 3 juta ekar, tetapi laporan tahun 1992, kita hanya tinggal sebanyak 1.2 juta ekar, jadi bermakna hakisan, dan apabila tanah simpanan Melayu itu dicabut, tanah itu tidak diganti. Kita tidak perlu wang.

Saya tidak setuju kalau tanah simpanan Melayu dicabut dan diganti dengan wang, kerana wang ringgit akan hilang macam itu sahaja, tetapi tanah ini bukan benda yang senang, malah hari ini kalau kita dapat lihat, orang terpaksa tambun laut kerana hendak mendapatkan tanah. Kita korek bukit, tambun laut kerana hendakkan tanah. Bermakna tanah di daratan semakin kurang. Jadi, yang inilah amanah kepada UDA dan saya berharaplah pegawai-pegawai yang berkhidmat di bawah syarikat UDA ini kena prihatin—sayangkan tanah kerana inilah pusaka kita. Kejayaan kita mengenai Wawasan 2020 tidak akan bermakna, kalau bangsa kita tidak ada tempat untuk berteduh satu hari nanti.

Kalau bangsa kita tidak dapat mengejar pembangunan bersama pada hari ini, biarlah kejayaan Wawasan 2020 itu kita capai dengan realitinya, bermaknanya kita boleh miliki harta. Harta-harta Tanah Rezab Melayu kita dapat dibangunkan

dan jangan tanah-tanah ini hilang begitu, entah milik siapa, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya percaya penuh, pegawai-pegawai yang ada dalam UDA ini sejak 21 tahun mengandungi banyak tenaga-tenaga profesional bumiputera Melayu kita, rasakan sayang kepada tanah pusaka kita ini kerana tanah apabila telah berlalu, Tuan Yang di-Pertua, susah hendak dapat balik. Kita tengok hari ini, kalau kita hendak beli tanah di bandar Kuala Lumpur, bukan setakat kaki dah Tuan Yang di-Pertua, dia kira inci. Dulu di kampung kita beli pakai relung, serelung sekian-sekian ribu, kemudian dia kira kaki pula, sekaki sekian-sekian ringgit dan tidak mustahil sedikit hari nanti dia kira inci, seinci berapa ringgit, ha, masa itu jenuh kita, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat dari Yan. Jadi, mengenai Tanah Rezab Melayu, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah Yang Berhormat tidak setuju kalau UDA ini membangunkan Tanah-tanah Rezab Melayu ini? Jadi, itu sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak, tidak Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya mahu UDA bangunkanlah, bermaknanya UDA ada modal. UDA ada tenaga profesional, gunakan kemudahan, kebolehan, dan kepintaran yang mereka ada ini, bangunkan tanah-tanah ini. Jadi, tidak hilanglah milik itu, maknanya hak kita masih terkawal, hak kita masih milik kita lagi. Kita takut dia terkeluar.

Dan saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, saya challenge Syarikat UDA Holdings ini bangunkan Kampung Baru, buktikan keupayaan mereka untuk membangunkan Kampung Baru. Tanah yang begitu berharga berada di dalam Wilayah Persekutuan, bangunkan dan letakkan bumiputera, jangan anjak mereka

seinci pun, biar mereka dapat nikmat daripada penubuhan syarikat UDA ini. Kalau yang ini boleh dibuat oleh Syarikat UDA ini, saya angkat topi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya jadi pengerusi tidak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, saya buat. Bukan saya minta tetapi kalau saya (*Ketawa*). Ini saya hendak provoke pengerusi, kita buktikan, bantu, joint venture dengan tuan-tuan tanah, usaha sama Tuan Yang di-Pertua, jangan ekoya (*acquire*). Jangan kita ambil tanah orang, Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri pun kalau diambil tanah saya, saya berasa kecil hati tetapi kalau datang untuk berusaha sama dengan saya apa salahnya? Kita berniaga usaha sama, joint venture, seorang berapa? 10-3 ke, macam kita dok buat dalam perniagaan rumah - 10 pintu, 3 diambil oleh tuan tanah, 7 diambil oleh UDA dan sebagainya

UDA ini memainkan peranan. Hidup matinya orang Melayu di dalam bandar-bandar besar, di dalam pusat-pusat perniagaan besar hari ini terletak di tangan UDA kerana UDA telah disyarikatkan. Kalau mereka tidak berjaya, maka amatlah menyedihkan kerana tenaga profesional yang ada ini saya kira begitu baik, begitu berpengalaman, dengan modal dan juga latar belakang yang begitu popular hari ini, UDA... bukan Uda dan Dara, Tuan Yang di-Pertua, UDA sahaja.

Jadi, dia boleh go ahead. Go ahead dengan ikhlas, jalankan tugas kita dengan amanah, insya-Allah syarikat ini akan berjaya. Jadi...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...apa pula?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tumpat bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay, okay, cepat. Tak bagi hang tahulah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Yan ini, simple soalan sahaja. Sekiranya apa Yang Berhormat hendak tadi, tidak dilaksanakan oleh UDA atau kerajaan, apa sikap Yang Berhormat pada masa itu? Saya hendak tahu Yang Berhormat ini seorang yang betul-betul gentleman ke ataupun sengaja bercakap macam...ha?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, apalah orang PAS ini suka menyakitkan hati orang. Jangan buat macam itu, berdosa! Tanya elok-elok macam awal tadi, tanya elok dah! Dok menyakitkan hati saya buat apa pulak? (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah kata tadi, kalaulah pengurusannya gagal, ganti yang baru. Kita bagi yang baru, gantikan pengurusan, dia anak syarikat, kita boleh ganti dan saya percaya penuh tenaga profesional yang ada ini lebih cekap daripada Yang Berhormat sendiri, mereka lebih cekap, mereka lebih tahu, pengerusinya pun lebih cekap sungguhpun dia lembut, tetapi dia kemas.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Perkakas baik!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Perkakas pun baik. (*Ketawa*) Dia kata, bukan saya kata!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Rompin, bangun.



**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta daripada...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya beri Rompin dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dia belum jawab soalan tu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya dahulukah?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduklah, Tumpat.

**Seorang Ahli:** Itu pembangkang.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa Yang Berhormat dari Larut lembut. Saya kurang faham, minta penjelasan sedikit ya, apa yang dikatakan lembut itu? *(Ketawa)*

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Penjelasan. *(Ketawa)*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Ketawa)* Lembutnya maksud Tuan Yang di-Pertua, budi bahasa, tengok dia cukup lembut budi bahasa, jadi maknanya orang yang lembut macam ini, Tuan Yang di-Pertua, jangan beri dia marah sahaja, bila dia marah dia keras, kita susah, Tuan Yang di-Pertua. Masa lembut ini bagus. Itu saya kata, kalau dia jadi pengerusi pun bagus, kawan-kawan boleh tegur dia. Dia adalah seorang wakil rakyat yang boleh ditegur, kalau dia tidak kena, kita boleh tegur dia.

Jadi, inilah yang saya suka, orang yang boleh ditegur. Pemimpin yang boleh

menerima teguran dan nasihat adalah pemimpin yang baik, pemimpin yang adil. Itu kena faham tu, Yang Berhormat dari Tumpat. Ini bangun tanya soalan yang menyakitkan hati, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Hah, hendak tanya lagi? *(Kepada Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood)* Tidak apa.

Okay, Tuan Yang di-Pertua... *(Ketawa)*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *(Bangun)*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia bangun lagi ya!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tumpat. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, dia belum jawab lagi soalan saya itu. Saya hendak tahu sikap Yang Berhormat pada masa itu? Apa masih tetap dengan UMNO ataupun hendak keluar daripada UMNO? *(Sorak)(Ketawa)*

**Seorang Ahli:** Amboi!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya ingat Yang Berhormat ini bercelaru sedikit belah-belah petang ini. Kita hari ini hendak membahas untuk menyokong syarikat ini. Syarikat ini berjalan pun tidak lagi. Tiba-tiba Yang Berhormat hendak suruh saya keluar UMNO masuk PAS? Tobat! Saya tidak masuklah PAS. *(Tepuk)* Kerat saya pun, saya tidak masuk! Kerana PAS pun wujud daripada UMNO, dia menyeleweng kerana

keuntungan peribadi, dia keluar dan tubuh Parti PAS...

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Ha, bantai lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tengok, Semangat 46 ini hendak masuk balik dah, PAS dok tunggu apa lagi? (*Tepuk*)(*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah simpanan Melayu ini UDA bangunkan dan saya harap UDA jangan bangun di dalam kawasan-kawasan yang besar sahaja...

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Ya, ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** ...masuk ke kawasan-kawasan luar bandar, macam kawasan Yan, Tuan Yang di-Pertua, "The Switzerland of Malaysia", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) I'm not joking, Tuan! I'm telling you the truth, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Dok tengok kat saya buat apa? (*Dimaksudkan kepada Y.B. Tuan Yunof Edward Marinking*) Dengan bukitnya, dengan air terjunnya, dengan sungainya, dengan sawahnya, dengan wakil rakyatnya, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Jadi, bangunkan kawasan-kawasan ini, macam bandar Alor Setar, bandar Kulim ke, bandar mana-mana ke, masuk, bangunkan bandar-bandar ini, kita letakkan bumiputera dengan bukan bumiputera bersama berniaga supaya dia ada saingan...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat, Tumpat lagi.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, termasuk Kelantan ke itu? (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Ha, tak malu, muka!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana kita hendak tolong Kelantan? Dalam Islam Tuhan kata, Tuhan tidak akan mengubah nasib seseorang itu kalau seseorang itu sendiri tidak mengubah. Ini, semua yang kita hendak buat, haram! Macam mana kita hendak ubah? Tetapi kalau Kelantan boleh kerjasama apa salahnya? Dan kalau hendak kerjasama, hendak elok, kena masuk ke Barisan Nasional! Lagi senang kita buat kerja. Ini, gaya kita hendak buat kerja, dia buat keluar lagu tu, gaya hendak buat kerja, dia kata lagu ni, gaya kita nak pinda dia suruh kita masuk PAS, macam mana? Jadi, tidak kena Yang Berhormat! Jangan susah, kerana Kerajaan Barisan Nasional kerajaan adil, asalkan kerjasama antara mana pihak pun, untuk kebaikan negara kita apa salahnya?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tumpat lagi sekali. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Yan ini tidak ikhlas!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sekejap. Dia beri jalan ke tidak beri?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya tidak duduk, macam mana Yang Berhormat bangun? Ini, Yang Berhormat tidak ikhlas! Yang Berhormat tidak tahu peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terakhir!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, ya. Okay. Tidak apa.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Yang Berhormat dari Yan ini seorang yang tidak ikhlas, Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh percaya. Orang yang tidak boleh dipercayai sebab tidak ada keikhlasan, apa lagi keadilan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Okay, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta saya balik..

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ...Asas kepada keadilan itu adalah keikhlasan....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Jadi, nampaknya dia tidak ikhlas! (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduklah!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tergelak. Saya hendak tergelak kerana Yang Berhormat Tumpat ini, dia sudah tidak ada garisan dan dia tidak ada panduan. Dia bercelaru petang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Ikhlas atau tidak ikhlas, Tuan Yang di-Pertua, nawaitu saya di dalam. Macam mana Yang Berhormat boleh baca keikhlasan hati saya? (*Tepuk*) Ini antara

saya dengan Allah S.W.T. Yang Berhormat menuduh saya, Yang Berhormat berdosa petang ini, Yang Berhormat! (*Ketawa*) Minta maaf dekat saya! Dosa kita dengan Tuhan, kita boleh minta maaf dengan Tuhan, dosa antara makhluk, Tuan Yang di-Pertua, dia kena minta maaf dekat saya.

Kalau saya tidak ampunkan dosa dia, di akhirat kelak, dia akan mai cari saya! Ini saya peringatkan dia, Tuan Yang di-Pertua! Masa itu, saya tak kira, sorrylah, saya pun tak tentu syurga atau neraka, hendak tolong dia lagi! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan kita. Saya sungguh gembira bila UDA hendak disyarikatkan. Jadi saya minta, pegawai, Pengerusi dan Lembaga Pengarah, bekerja dengan baik. Dan tidak lama bila sampai tahap syarikat ini hendak diprivatisekan, saya jangka akan diprivatisekan di masa depan apabila berjaya. Ini, yang buat kerja ini kena beri peluang, Tuan Yang di-Pertua.

Beri peluang kepada tenaga kerja yang membangunkan UDA kerana mereka bekerja kuat. Mereka bangunkan UDA sehingga UDA berjaya dan bila hendak diswastakan kelak, ini saya hendak peringatkan hari ini supaya tenaga-tenaga kerja ini diberi hak di dalam syarikat tersebut daripada Pengerusi sampailah yang bekerja di pejabat sebagai pelayan pejabat dan sebagainya kerana syarikat itu tidak akan berjaya dengan sendiri kalau bukan dengan tenaga, team work ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga minta dari pihak pengurusan UDA yang baru ini, skim gaji kakitangan kita perelokkan. Bila berniaga, Tuan Yang di-Pertua, kita kena elok. Tetapi jangan joli. Beri elok-elok. Entertainment allowancenya pun, jangan kita sok-sak sangat. Ini sampai kereta hendak masuk garage pun tak lepas, jadi menyusahkan tuan rumah balik, hendak kena perbesarkan

garage, hendak masukkan kereta ini. Jadi, kereta jangan besar sangat, Tuan Yang di-Pertua.

Bilik-bilik pun, mula-mula berniaga, jangan begini sangat. Syarikat UDA tidaklah, syarikat lain ini, biasa saya masuk, cari orang, tak nampak, Tuan Yang di-Pertua. Kerusi itu besar daripada orang itu! Kita cari dia duduk tang mana, rupanya dia duduk di atas kerusi, kita tak nampak fasal kerusi itu besar dari tuannya.

Jadi, saya harap cut cost, tetapi kena efisien. Pegawai-pegawai pun kena buat kerja elok-elok. Anggap syarikat ini hak kita kerana saya sudah habak, tak lama lagi hendak swastakan, beri keutamaan kepada pekerja-pekerja. Jadi, saya harap, yang saya sarankan ini kerajaan akan ambil tindakan. (*Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar masuk ke Dewan*) Timbalan Menteri Kewangan pun dah mai masuk. Bila dia dengar hendak swastakan apa semua, dia hendak tengok saya hendak bercakap elok atau tak elok.

Jadi, kalau tak lama lagi hendak swastakan, staf ini kena beri. Jadi, pegawai-pegawai ini kena kerja, macam syarikat UDA ini hak dia. Jangan sat ini kata, "no, no, this is your duty, not my duty". Jangan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, team work. Kalau overtime pun, buat lebih kurang, jangan dok claim banyak sangat. Pengerusi ini, saya mintalah, kawan pun tak keluar sehari daripada tadi, dok tunggu! (*Ketawa*) Apa hendak jadi nasib dia ini! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu rumah kos rendah. Bila saya baca report ini, memanglah saya sendiri tidak puas hati dengan skim rumah kos rendah ini. Saya ingat, UDA kena ambil peranan dan percayalah, kalau kita tolong orang miskin, orang susah ini, bila dia berdoa, doa orang-orang susah dan orang-orang teraniaya ini, makbul. Tuhan akan makbulkan. Jadi, katalah kita buat rumah,

beri orang miskin duduk, bayangkanlah kalau duduk di rumah setinggan dan sebagainya, tahu-tahu UDA buat rumah elok, tahu-tahu depa boleh masuk, duduk di dalam rumah itu, berdoa. Bila sembahyang pun, sembahyang sempurna.

Ini gaya hendak sembahyang, tahu-tahu ribut, tak khusyuk, takut ribut angkat bumbung fasal duduk di rumah setinggan, Tuan Yang di-Pertua. Ini duduk khusyuklah, taat pada Tuhan dan berdoa UDA maju. Alhamdulillah, UDA akan berjaya. Berkat ini, Tuan Yang di-Pertua. Berkatnya yang kita mahu dalam berniaga.

Jadi, banyakkann rumah-rumah kos rendah. Tetapi janganlah buat maknanya, kita buat rumah kos rendah sampai kita rugi, tidak. Maknanya kita lihat yang untung, cover rumah kos rendah ini, buat beri selesa, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tengok UDA, boleh buat tak rumah kos rendah 3 bilik. Ini seruan Islam, Tuan Yang di-Pertua, kena ada bilik 3. Untuk mak dan bapa satu bilik; untuk anak perempuan satu bilik; dan untuk anak lelaki satu bilik. Kena buat 3 bilik. Kalau siapa jadi Pengerusi pun, dia bertanggungjawab di akhirat. Fasal apa, Pengerusi, biar buat rumah 2 bilik, berebut tu, macam mana? Jadi, tak boleh, bila dia cukup umur, kena pisahkan. Kalau tidak nanti bercelaru.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, kena buat tempat-tempat perniagaan kos sederhana yang orang Melayu boleh berniaga dan boleh beli. Ini buat mahal, sampai dekat RM600,000 atau RM700,000, mana dengan modal hendak berniaga lagi, mana dengan kos hendak beli bangunan lagi, mana dengan renovation. Orang kita mula berniaga, fahamlah, macam kain selimut pendek, tarik ke atas, tutup dada, dekat kaki sejuk. Tarik, tutup kaki, dada sejuk! Tak cukup modal!

Jadi, berilah hak yang kos sederhana yang mampu dimiliki oleh orang-orang

bumiputera. Dan juga, saya harap UDA menjadi satu land bank fasal saya dahulu mencadangkan kita tubuhkan tabung amanah harta, sama dengan ASB di mana orang-orang bumiputera melabur dalam amanah ini untuk kita memiliki harta-harta. Macam twin tower, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tak mampu hari ini, tak apa. UDA tolong beli sat, simpan, hold benda itu. Takkanlah 20 atau 30 tahun, tak lama, orang Melayu tak mampu lagi! Bila dia mampu, dia hendak sewa, dia hendak beli, jual dekat dia! Macam bangunan-bangunan lain yang orang Melayu hari ini tak mampu hendak beli. UDA ambil, pegang. Kemudian tak lama, UDA buka satu tabung atau apa, buatlah Pengerusinya, buatlah dan fikirilah macam mana kita hendak selamatkan harta-harta kita ini. Hendak kepong, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, inilah cara kita hendak menolong supaya bila sampai Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri ini, kita bersama dengan rakyat Malaysia yang lain. Orang Tionghua, orang Tamil, orang Bumiputera, orang Sabah, orang Tuaran, semua pun sama-sama. Tidak ada aniaya. Kita sama-sama berjaya. Barulah wawasan kita mencapai matlamatnya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya sungguh berharap kepada UDA, saya pun tak mahu bercakap banyak, cuma yang saya bercakap ini benda yang kena buat. Kalau tak buat, di akhirat, sesiapa pegawai UDA, bertanggungjawablah. Saya sudah lepas yang ini. *(Ketawa)* Ini saya habak terang-terang. Tak tahulah, kalau Chairman dia lagi teruk. Siapa jadi Chairman, lagi teruk. Managing Director, teruk semua, dengan Chairman. Yang bawah-bawah pun pakatlah kena.

Jadi, saya hendak pesan fasal kita takut sat ni kata Yang Berhormat tak pesan. Ini saya pesanlah ini. Jadi, industri-industri kena masuk, estet-estet bumiputera ini

kita beli. Yang bukan bumiputera kita beli, kita bangunkan estet-estet ini dan masukkan orang-orang bumiputera, masukkan orang bukan bumiputera, bersama berniaga. "kongsi-kongsi cho kang", "kongsi-kongsi co seng li", Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu semua. "Tiung-tiung", betul atau tidak betul? Betul, bukan? "Cho seng li", maknanya berniaga, Tuan Yang di-Pertua - Pakat-pakat kongsi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan saya dan saya harap sungguhlah UDA akan mainkan peranannya kerana inilah sahaja. Sebab itulah saya tunggu, Tuan Yang di-Pertua. Saya, sembahyang asar pun belum lagi, ini saya tunggu, Tuan Yang di-Pertua. Sat lagi saya hendak keluar sembahyang, tetapi saya tunggu kerana saya hendak bercakap. Saya hendak meluahkan perasaan saya UDAlah harapan supaya tanah-tanah Melayu ini dapat diselamatkan dan tanah-tanah Melayu dapat dibangunkan. Orang-orang Melayu dapat duduk sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain dalam bidang perniagaan dan boleh duduk dalam bangunan-bangunan kaca, boleh duduk dalam bangunan-bangunan yang indah-indah. Walaupun kita tak boleh, wakil rakyat, tak apa, Tuan Yang di-Pertua, pembelaan kita untuk rakyat, ini adalah tanggungjawab kita semua.

Jadi, dengan harapan itu, pertamanya saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang visionnyanya begitu jauh dan saya ucap tahniah kepada pengurusan UDA, terimalah tanggungjawab ini dengan penuh kesabaran, terimalah tanggungjawab ini dengan penuh amanah yang kita boleh majukan UDA ini menjadi satu syarikat gergasi di masa yang akan datang dan akan menjadi sebuah pohon yang rendang di mana daun-daunnya itu akan dapat orang-orang kita berteduh dan buah-buah yang dikeluarkan oleh pohon itu akan dapat dinikmati oleh orang-orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua.

Dan kita harap dengan penubuhan syarikat UDA ini, syarikat ini akan kita bajai dan sirami dengan sebaik mungkin Tuan Yang di-Pertua, supaya pokok ini akan berkekalan untuk meneduhkan usahawan-usahawan bumiputera dengan konsep penswastaaan dan berbagai-bagai konsep yang boleh mereka lakukan demi untuk agama, bangsa dan tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Libaran.

6.11 ptg.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setelah 39 tahun kita merdeka, UDA masih lagi belum bertapak di Sabah. Peniaga-peniaga bumiputera sangat-sangat mengharapkan bantuan kerana terpinggir dalam arus perdana UDA sendiri. Saya berharap UDA Holdings dapat berkembang ke Sabah untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera di Sabah yang dahagakan kemajuan. Sabah tidak harus terpinggir lagi kerana kerajaan yang ada pada hari ini ialah Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan rakan-rakan dalam Barisan Nasional.

Saya berharap Pengerusi UDA dapat berunding dengan Ketua Menteri Negeri Sabah untuk membina ruang-ruang niaga yang munasabah lokasinya dan juga agar dapat....

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kawan Yang Berhormat bangun. Dia tidak mahu beri jalan.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:**....Dan juga agar dapat melantik salah seorang ahli profesional sebagai

ahli lembaga pengarah dari Sabah supaya dapat memberi pandangan dan pendapat tentang pembangunan bumiputera di Negeri Sabah. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya Tuaran.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, kawan saya dari Libaran kata tadi Kerajaan Barisan Nasional di Sabah dipimpin oleh UMNO tetapi tidak lama lagi Ketua Menteri akan diganti - bukan UMNO lagi. Jadi, bagaimana dia jemput UDA? Jadi, saya minta penjelasan dari sahabat saya dari Libaran. Adakah dia mahu mempertahankan jawatan Ketua Menteri itu supaya terus dipegang oleh UMNO?

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Sahabat saya ini, dia kurang faham. Ini masalah dia ini. Dia tidak faham konsep Barisan Nasional. Pasal itu dia pembangkang. Pasal itu rakyat tidak pilih dia, pasal dia tamak kuasa, hendak berkuasa sendirian sahaja. Sebab itu dia keluar.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin mencadangkan untuk mempertingkatkan lagi prestasi UDA, badan kerajaan seperti EPF perlulah melabur modal untuk membantu peniaga bumiputera di samping itu UDA perlulah memberi kerusi khas kepada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia duduk dalam pentadbiran UDA untuk meninjau perjalanan pentadbiran UDA dengan lebih positif lagi.

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada lagi yang hendak ambil bahagian. Kepong.

6.14 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah

saya terangkan semasa mengambil bahagian di dalam rang undang-undang yang lepas, saya nampak prestasi UDA tidak seperti yang dipaparkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun oleh Pengerusinya. Ada gejala-gejala yang baik, ada keuntungan di beberapa syarikat subsidiari tetapi ada yang tidak begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya hendak mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Usahawan ataupun Kementerian Kewangan menubuhkan satu badan kawal selia untuk mengawasi dan mengawalseliakan semua aktiviti UDA. Saya pun tidak begitu puas hati kerana kalau kita meninjau di seluruh kawasan Lembah Kelang termasuk Kuala Lumpur, walaupun beratus-ratus juta ringgit dilaburkan untuk mencapai ketiga-tiga objektif UDA ini, saya nampak untuk bangunan dan ruangan komersil, UDA hanya memperolehi 5.7% sahaja. Ini menunjukkan satu angka yang begitu rendah.

Di dalam saat ketika kita menghadapi masa depan, kita dengar saranan-saranan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat dari Padang Terap, hendak memajukan negara ini, kita hendak mencapai satu negara yang benar-benar maju tanpa unsur-unsur yang negatif, kita hendak yang maju dengan unsur-unsur dan nilai-nilai yang positif. Itu saya setuju. Kita hendak satu negara yang maju dan peranan UDA memang penting kerana kita hendak dapatkan satu keseimbangan di dalam aktiviti-aktiviti termasuk perniagaan di antara kaum. Memang kita hendak wujudkan satu suasana di mana semua kaum boleh menikmati kemajuan yang terdapat di negara ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat dari Kepong yang mahu melihat supaya pembangunan lebih seimbang, mahu melihat satu keadaan penyusunan semula. Ini macam hujah UMNO. (*Ketawa*) Adakah ini bermakna satu penukaran dari segi dasar DAP?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya takut sebab apa, saya amat alu-alukan dan berterima kasih tetapi kalau boleh, jadikan ini salah satu agenda di DAP dan kita amat bangga dengan perubahan ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang saya pertimbang. Yang pertama, kita hendak mendapat satu keseimbangan melalui dasar yang berdasarkan atau berteraskan kepada meritokrasi dan juga keperluan kerana kita hendak mengelakkan daripada perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Rompin misalnya, dia hendak menyusun semula tetapi dia menyusahkan orang lain. Kalau cara penyusunan semula ala-Rompin ini tidak boleh diterima. Memang tidak boleh diterima.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Padang Terap bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita hendak susun semula, tetapi jangan kita menyinggung atau menyusahkan orang lain. Itu cara yang baik.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sahabat saya dari Kepong, dia selalu contradict daripada tahun 1986 dulu lagi dia contradict himself, dengan izin. Dia kata tadi, dia menghendakkan meritokrasi dan keperluan, dalam bahasa Inggeris meritocracy and the need. Dua perkara ini adalah tidak sama. Kadang-kadang orang yang tidak mempunyai merit itu, dia mempunyai keperluan yang lebih. Jadi, yang mana satu Yang Berhormat hendak pakai? Meritokrasi ataupun keperluan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap masalahnya dia tidak dapat membezakan di antara satu sama lain. Misalnya, gejala-gejala negatif yang tidak baik, dia kata itu liberalisme. Liberal dia kata. Kalau tidak baik, dia kata liberal kerana anggapan dia semua yang tidak baik itu liberal. Ini masalah Yang Berhormat dari Padang Terap sekarang. Bila beliau pergi ke London, dia kata semua yang tidak baik liberal. Liberal ini tidak boleh diterima. Liberalisme - itu dahsyat sekali. Kita tidak boleh terima. Ini masalah Yang Berhormat dari Padang Terap. Walhal semasa dia berada di Cornell, masalah definisi dan apa yang dimaksudkan dengan liberalisme itu nampaknya dia tidak begitu berminat semasa dia berada di Cornell.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sahabat saya ini sudah habis modalnya. Jadi, saya hendak bertanya. Tadi saya hendak bangun bertanya, tetapi Yang Berhormat dari Rompin telah bertanya dahulu. Dia mengatakan tadi "hendak mewujudkan satu badan penyelia untuk

UDA". Pertanyaan saya, dia selalu bercakap berkenaan dengan efficiency, jadi apa gunanya kita adakan lembaga pengarah jikalau hendak diadakan badan penyelia lagi, kerana satu daripada fungsinya lembaga pengarah itu adalah menyelia dan memastikan bahawa dasar kerajaan diikuti oleh UDA Holdings. Jadi, cuba Yang Berhormat clearkan pemikiran, jangan kusut.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** ....saya kata "liberal" tidak kena-mengena dengan Cornell, tidak kena-mengena dengan London.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh! tidak kena.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya kata "liberal" dalam konteks lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (Ketawa) Yang Berhormat dari Padang Terap sekarang hendak lari daripada yang disebutkan olehnya 'liberal', tetapi kita tidak ada masa untuk membincangkan 'liberalisme' yang ala Padang Terap. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara yang boleh diterima oleh semua kaum, cara yang praktikalnya yang boleh dilaksanakan dengan baik, kita memang berharap objektif-objektif UDA ini dapat dicapai. Cuma saya mempertikai di sini ialah setakat ini di dalam sejarah UDA selama 25 tahun, saya percaya walaupun ada gejala-gejala yang sihat juga, yang baik yang telah dicapai, tetapi ada banyak lagi tidak dapat dicapai - tidak dapat dicapai. Walaupun laporannya begitu cantik, cuma bila membuat laporan ini dikutip yang boleh dipapar, ditonjolkan, yang baik. Ha! itu bukan 'kepalang' baik. Misalnya peningkatan aset perbadanan sebanyak RM93.74 juta kepada RM1,281.15 juta pada tahun 1994 sebahagian besarnya adalah dalam bentuk nilai stok tanah yang sedia ada dan projek-



projek dalam pelaksanaan serta pegangan saham-saham dalam syarikat-syarikat bersekutu.

Memang ini satu perenggan yang cantik, seronok bila kita membaca - memang baik. Tetapi ini tidak membayangkan keadaan yang sebenar - tidak, kita cuma mengkaji daripada segi prestasi anak-anak syarikat.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Apakah expectation saudara dan apakah yang saudara anggap sebagai tidak baik? Dalam konteks ini juga saya ingin bertanya DAP sentiasa mengatakan bahawa parti itu adalah baik, tetapi baru-baru ini ada satu buku yang cuba mendedahkan keburukan DAP, adakah saudara mahu menerima hakikat ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, parit yang sulong ini memang macam itu. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak begitu puas hati dengan keadaan politik wang di dalam UMNO, tetapi Parit Sulong tidak tolong, tidak beri bantuan, tidak cari bukti untuk menyelesaikan masalah seperti ini. Kalau ada 22 orang di Kedah buat cara yang tidak betul Parit Sulong tidak bantu juga.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa

dia ini memang fikirannya bersimpang-siur. Adakah saudara se... pada tahun lalu saya menerbitkan satu buku untuk membantu kerajaan, untuk membanteras politik wang, adakah saudara pernah baca? Jangan cakap kosong, saya berani berdiri dengan bukti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah cakap tidak ada bukti. Buku yang ditulis oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong tidak dapat membantu.... *(Ketawa)*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Rompin pula bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dia confused!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan, Yang Berhormat dari Kepong. Apa Yang Berhormat dari Parit Sulong bertanya tentang kaedah dalam DAP - Dr. Kua ini saya rasa bekas Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Dia telah menulis, saya baca sedikit, katanya "DAP dengan kepimpinan yang ada sudah sampai satu tahap tidak boleh membawa perubahan ke arah dekad akan datang" So it is a serious structural problem dalam DAP dan Yang Berhormat dari Kepong merupakan tokoh senior dalam DAP - kita bersetuju dengan saranan Yang Berhormat amat baik, penyeliaan semula, keseimbangan - saya bersetuju, terima kasih banyak, tetapi dalam cerita dapur dalam rumah DAP ini macam mana? *(Tepuk)*

**Dr. Tan Seng Giaw :** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rompin ini memang begitulah. Kita pun tahu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *(Menyampuk).*

**Dr. Tan Seng Giaw:** ... memang boleh tahu.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun lagi, Rompin! Hendak berjalankah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak perlu bimbang, dalam ini Yang Berhormat seorang, kita tidak akan beritahu kepada Ketua Pembangkang. (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lagu yang disebutkan yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Rompin ini sudah dimainkan di dalam Dewan dan di luar Dewan selama 30 tahun usia DAP.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiap-tiap kali lagu yang sama - lagu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Padang Terap bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Ketawa*) Sekarang ada CD rom - lagu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak berjalankah Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Buku DAP dalam CD rom!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tolong jawab bagi pihak Yang Berhormat dari Kepong (*Ketawa*)

Kalau dia benarkan saya tolong jawab. Mengikut apa yang ditulis oleh Dr. Kua, berlaku banyak kekusutan dan dilema dalam DAP sepertimana yang dibayangkan dalam ucapannya tadi 'meritocracy' lawan dengan keperluan bukan sama, kecekapan dengan penyeliaan disebut tadi. Jadi, apa yang dicakap adalah bayangan, reflection of the confusion dalam DAP (*Ketawa*) yang dia menjadi 'the central figure' di dalam buku Dr. Kua itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Yang Berhormat dari Padang Terap itu keliru (*Ketawa*) 'liberal'. Ini liberallah - liberalisme ala-Padang Terap sehingga dia tidak boleh terima, kalau kita hendak ubah sesuatu, kita ikut 'meritocracy' kita ikut keperluan - itu tidak boleh terima, cuma liberalisme cara Padang Terap dia boleh terima.

Saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, maksud saya di dalam UDA kerana di sini kita bincangkan UDA. Kita bincangkan UDA, dalam usia 25 tahun UDA ini, walaupun ada kejayaan sedikit, tetapi kebanyakannya itu masih ada banyak kecacatan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:**.... masih ada kelemahan.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Beri jalan tak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong bila hendak jawab fasal buku ini, di mana saudara menjadi character paksi atau main character di samping character utama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang dibentangkan, yang dibicarakan itu ialah buku ini (*sambil menunjukkan buku yang berwarna kuning*) (*Ketawa*)...

**Seorang Ahli:** Kepong takut!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat saya ingat kita tutup mesyuarat Parlimen ini kerana masa sudah cukup. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang besok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*